



UNDANG-UNDANG TUBUH PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA (Cadangan Pindaan)

3A-09,
Eco Sky, No 972,
Batu 6 1/2, Jalan Ipoh,
68100 Kuala Lumpur
Tel: +603-6241 4141 Fax: +603-6241 1551
Website: www.mfa.org.my
(cetak pada 20-Ogo-25)

UNDANG-UNDANG TUBUH BAGI PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA

ASAL	PINDAAN
1. TAKRIF Istilah-istilah yang terdapat di dalam undang-undang tubuh ini, melainkan diberi takrif yang khusus, membawa maksud seperti berikut:- (a) “Francais” mempunyai makna sebagaimana yang ditafsirkan di dalam Akta Francais 1998 (Akta 590). (b) “Format Bisnes” bermakna satu pakej yang lengkap sehingga membolehkan seseorang Francaisi menjalankan perniagaan pengedaran produk dan perkhidmatan secara seragam dan tersusun. (c) Pemberi Francais mempunyai makna sebagaimana yang ditafsirkan di dalam Akta Francais 1998 (Akta 590) dan selepas daripada ini ia disebut sebagai Francaisor. (d) Pemegang Francais Induk mempunyai makna sebagaimana yang ditafsirkan di dalam Akta Francais 1998 (Akta 590) dan selepas daripada ini ia disebut sebagai Francaisi Induk. (e) Pemegang Francais mempunyai makna sebagaimana yang ditafsirkan di dalam Akta Francais 1998 (Akta 590) dan selepas daripada ini ia disebut sebagai Francaisi. (f) “Institusi Sokongan” adalah semua pihak awam dan swasta yang memberi yang memberi khidmat sokongan secara langsung kepada Francaisor, Francaisi Induk dan Francaisi.	1. TAKRIF Istilah-istilah yang terdapat di dalam undang-undang tubuh ini, melainkan diberi takrif yang khusus, membawa maksud seperti berikut:- (a) “Francais” mempunyai makna sebagaimana yang ditafsirkan di dalam Akta Francais 1998 (Akta 590). (b) “Format Perniagaan” bermakna satu pakej yang lengkap sehingga membolehkan seseorang Francaisi menjalankan perniagaan pengedaran produk dan perkhidmatan secara seragam dan tersusun. (c) Pemberi Francais mempunyai makna sebagaimana yang ditafsirkan di dalam Akta Francais 1998 (Akta 590) dan selepas daripada ini ia disebut sebagai Francaisor. (d) Pemegang Francais Induk mempunyai makna sebagaimana yang ditafsirkan di dalam Akta Francais 1998 (Akta 590) dan selepas daripada ini ia disebut sebagai Francaisi Induk. (e) Pemegang Francais mempunyai makna sebagaimana yang ditafsirkan di dalam Akta Francais 1998 (Akta 590) dan selepas daripada ini ia disebut sebagai Francaisi. (f) “Institusi Sokongan” adalah semua pihak awam dan swasta yang memberi yang memberi khidmat sokongan secara langsung kepada Francaisor, Francaisi Induk dan Francaisi. (g) “Perbelanjaan” adalah pembayaran atau aliran wang keluar yang melibatkan perbelanjaan operasi, program, pentadbiran, pembangunan, perkhidmatan, pelaburan dan lain-lain.

ASAL	PINDAAN
2. NAMA, LAMBANG DAN TEMPAT URUSAN (1) Pertubuhan ini dikenali dengan nama “PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA” dalam Bahasa Malayu dan “MALAYSIAN FRANCHISE ASSOCIATION” dalam Bahasa Inggeris, selepas ini disebut sebagai “Pertubuhan”. (2) Singkatan nama Pertubuhan ialah “MFA” (3) Lambang Pertubuhan, seperti pada Apendiks B, ialah satu bulatan mengandungi lingkaran anyaman tiga gelang berbentuk bawang, satu di atas dan dua di bawah, dan bertindih di tengah dengan segi empat berbentuk permata. Di puncak lingkaran ialah bulan sabit dan bintang Malaysia. Perkataan-perkataan PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA di bawah mengelilingi lambang dengan perkataan MFA di bawahnya. Warna-warna rasmi ialah Biru, Kuning, Merah, Putih, Hitam. Tafsirannya: Gembelangan tiga pihak, iaitu Francaisor, Francaisi dan Institusi Sokongan, dalam satu pertubuhan ke arah menyokong hasrat pembangunan Negara sejajar dengan matlamat Wawasan 2020. Dengan sepotong ayat, lambang Pertubuhan bermakna rangkaian dan rantaian yang kukuh di kalangan ahli untuk memupuk imej yang cemerlang bagi industri Francais dan Negara. (4) Tempat urusan ialah di 3A-09, Eco Sky, No 972, Batu 6 1/2, Jalan Ipoh, 68100 Kuala Lumpur atau di tempat lain atau tempat-tempat yang ditetapkan dari masa ke semasa oleh Jawatankuasa Utama, dan alamat untuk surat menyurat ialah di alamat yang sama. Tempat urusan berdaftar dan alamat surat menyurat Pertubuhan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Petubuhan terlebih dahulu.	2. NAMA, LAMBANG DAN TEMPAT URUSAN (1) Pertubuhan ini dikenali dengan nama “PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA” dalam Bahasa Malayu dan “MALAYSIAN FRANCHISE ASSOCIATION” dalam Bahasa Inggeris, selepas ini disebut sebagai “Pertubuhan”. (2) Singkatan nama Pertubuhan ialah “MFA” (3) Lambang Pertubuhan, seperti pada Apendiks B, ialah satu bulatan mengandungi lingkaran anyaman tiga gelang berbentuk bawang, satu di atas dan dua di bawah, dan bertindih di tengah dengan segi empat berbentuk permata. Di puncak lingkaran ialah bulan sabit dan bintang Malaysia. Perkataan-perkataan PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA di bawah mengelilingi lambang dengan perkataan MFA di bawahnya. Warna-warna rasmi ialah Biru, Kuning, Merah, Putih, Hitam. Tafsirannya: Gembelangan tiga pihak, iaitu Francaisor, Francaisi dan Institusi Sokongan, dalam satu pertubuhan ke arah menyokong hasrat pembangunan Negara. Dengan sepotong ayat, lambang Pertubuhan bermakna rangkaian dan rantaian yang kukuh dalam kalangan ahli untuk memupuk imej yang cemerlang bagi industri Francais dan Negara. (4) Tempat urusan ialah di 3A-09, Eco Sky, No 972, Batu 6 1/2, Jalan Ipoh, 68100 Kuala Lumpur atau di tempat lain atau tempat-tempat yang ditetapkan dari masa ke semasa oleh Jawatankuasa Utama, dan alamat untuk surat menyurat ialah di alamat yang sama. Tempat urusan berdaftar dan alamat surat menyurat Pertubuhan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Petubuhan terlebih dahulu.

ASAL	PINDAAN
3. TUJUAN-TUJUAN DAN MAKSUD-MAKSUD (1) (a) Cita-cita Pertubuhan adalah menggembelingkan Francaisor, Francaisi dan Institusi Sokongan dalam satu semangat kekeluargaan, bagi memupuk imej yang cemerlang untuk perniagaan Francais. (b) Visi Pertubuhan adalah untuk menjadi pendokong dan penggerak utama mewakili masyarakat Francais ke arah merealisasikan hasrat Malaysia untuk menjadi Pusat Serantau Pembangunan Francais. (2) Tujuan Pertubuhan ialah: (a) Menyatukan tenaga ahli-ahli untuk menjaga kepentingan mereka. (b) Memupuk dan mempertahankan imej perniagaan Francais dengan menggalakkan amalan perniagaan secara beretika. (c) Mendokong usaha Kerajaan menggalakkan penyertaan Bumiputra secara langsung dan aktif dalam perniagaan Francais. (d) Untuk menyelaras kemudahan dan infrastruktur yang tersedia bagi pembangunan Francais di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa. (3) Langkah-langkah Pertubuhan ialah: (a) Menetapkan dan menguatkuasa satu etika amalan perniagaan secara professional di kalangan ahli-ahli. (b) Bertindak selaku penyimpan maklumat induk mengenai semua aktiviti francais yang sedang beroperasi dan juga yang akan beroperasi di Malaysia serta mengumpul dan	3. TUJUAN-TUJUAN DAN MAKSUD-MAKSUD (1) (a) Visi Pertubuhan adalah untuk menjadi pendokong dan penggerak utama mewakili masyarakat Francais ke arah merealisasikan hasrat Malaysia untuk menjadi Pusat Serantau Pembangunan Francais. (b) Misi Pertubuhan adalah menggembelingkan Francaisor, Francaisi dan Institusi Sokongan dalam satu semangat kekeluargaan, bagi memupuk imej yang cemerlang untuk perniagaan Francais (2) Tujuan Pertubuhan ialah: (b) Menyatukan ahli-ahli untuk menjaga kepentingan mereka. (b) Memupuk dan mempertahankan imej perniagaan Francais dengan menggalakkan amalan perniagaan secara beretika. (c) Mendokong usaha Kerajaan menggalakkan penyertaan Bumiputera secara langsung dan aktif dalam perniagaan Francais. (d) Untuk menyelaras kemudahan dan infrastruktur yang tersedia bagi pembangunan Francais di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa. (3) Langkah-langkah Pertubuhan ialah: (a) Menggalakkan satu etika amalan perniagaan secara professional dalam kalangan ahli-ahli. (b) Bertindak selaku penyimpan maklumat induk mengenai semua aktiviti francais yang sedang beroperasi dan juga yang akan beroperasi di Malaysia serta mengumpul dan

menyimpan data dan statistik yang berkaitan dengan perniagaan francais di Malaysia dan juga di peringkat antarabangsa. (c) Menjalankan kegiatan menggalakkan pertubuhan perniagaan francais, termasuk kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan ke arah memantapkan lagi perniagaan francais di Malaysia. (d) Menyelaras dan melaksanakan program-program latihan dan seminar bertujuan bagi meningkatkan daya kefahaman mengenai sistem francais, pengukuhan sikap dan amalan perniagaan. (e) Menjalankan aktiviti-aktiviti promosi bertujuan memperkenalkan sistem francais sebagai satu bentuk perniagaan yang berdaya maju serta menjamin kepuasan masyarakat pelanggan dengan produk (termasuk perkhidmatan) yang berkualiti. (f) Memberi cadangan, maklumbalas serta kerjasama dengan pihak-pihak berkuasa mengenai isu-isu berkenaan dengan francais dan yang berkaitan dengannya. (g) Bertindak selaku forum untuk bertukar-tukar pengalaman dan kepakaran di antara ahli-ahli Pertubuhan. (h) Menghubungi dan memelihara hubungan yang erat dengan Persatuan-Persatuan Francais di peringkat antarabangsa. (i) Menghubungi dan memelihara hubungan yang erat dengan lain-lain pertubuhan perdagangan dalam negeri. (j) Menganjurkan misi pelaburan mengenai francais ke luar negara untuk mengetahui perkembangan sistem ini dan juga untuk mengeksport produk-produk francais tempatan yang telah berdaya maju. (k) Menjadi tuan rumah bagi misi perniagaan dan pelabuhan dari luar negara dan membantu mereka memahami tentang potensi Industri Francais di Malaysia.	menyimpan data dan statistik yang berkaitan dengan perniagaan francais di Malaysia dan juga di peringkat antarabangsa. (c) Menjalankan kegiatan menggalakkan pertubuhan perniagaan francais, termasuk kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan ke arah memantapkan lagi perniagaan francais di Malaysia. (d) Menyelaras dan melaksanakan program-program latihan dan seminar bertujuan bagi meningkatkan daya kefahaman mengenai sistem francais, pengukuhan sikap dan amalan perniagaan. (e) Menjalankan aktiviti promosi bertujuan memperkenalkan sistem francais sebagai satu bentuk perniagaan yang berdaya saing serta menjamin kepuasan masyarakat pelanggan dengan produk (termasuk perkhidmatan) yang berkualiti. (f) Memberi cadangan, maklumbalas serta kerjasama dengan pihak-pihak berkuasa mengenai isu-isu berkenaan dengan francais dan yang berkaitan dengannya. (g) Bertindak selaku forum untuk bertukar-tukar pengalaman dan kepakaran di antara ahli-ahli Pertubuhan. (h) Menghubungi dan memelihara hubungan yang erat dengan Persatuan-Persatuan Francais di peringkat antarabangsa. (i) Menghubungi dan memelihara hubungan yang erat dengan lain-lain pertubuhan perdagangan dalam negeri. (j) Menganjurkan misi pelaburan perniagaan francais ke luar negara untuk mengetahui perkembangan sistem ini dan juga untuk mengeksport produk-produk francais tempatan yang telah berdaya saing. (k) Menjadi tuan rumah bagi misi perniagaan dan pelaburan dari luar negara dan membantu mereka memahami tentang potensi Industri Francais di Malaysia.
--	---

(l) Menjalankan kegiatan-kegiatan lain yang selaras dengan tujuan Pertubuhan.	(l) Menjalankan kegiatan-kegiatan lain yang selaras dengan tujuan Pertubuhan.
---	---

ASAL	PINDAAN
4. KEAHLIAN (1) Pertubuhan mempunyai tujuh (7) kategori ahli iaitu : a) Ahli Biasa Ahli Biasa adalah terdiri daripada semua Francaisor, Francaisi Induk, Francaisi dan Institusi-institusi Sokongan b) Ahli Bersekutu Ahli Bersekutu adalah terdiri daripada badan-badan korporat, agensi awam atau individu yang mempunyai minat untuk membangun atau memajukan Pertubuhan dan pihak-pihak yang belum layak untuk menjadi Ahli Biasa. c) Ahli Pelajar Pelajar-pelajar Universiti atau Kolej-Universiti boleh diterima menjadi Ahli Pelajar dengan syarat telah terlebih dahulu mendapat kebenaran secara bertulis oleh Naib Canselor Universiti yang berkenaan. d) Ahli Kehormat Jawatankuasa Utama boleh memutuskan untuk menganugerahkan taraf Ahli Kehormat kepada mana-mana individu yang difikirkan layak. e) Ahli Bergabung	4. KEAHLIAN 1) Pertubuhan mempunyai tujuh (7) kategori ahli iaitu : a) Ahli Biasa Ahli Biasa adalah terdiri daripada semua Francaisor, Francaisi Induk, Francaisi Berbilang Unit (5 unit atau lebih) dan Institusi-institusi Sokongan. b) Ahli Bersekutu Ahli Bersekutu adalah terdiri daripada badan-badan korporat, agensi awam, francaisi yang francaisornya bukan Ahli MFA, francaisi unit tunggal dan francaisi berbilang unit (kurang daripada 5 unit) atau individu yang mempunyai minat untuk membangun atau memajukan Pertubuhan dan pihak-pihak yang belum layak untuk menjadi Ahli Biasa. c) Ahli Pelajar Pelajar-pelajar Universiti atau Kolej-Universiti boleh diterima menjadi Ahli Pelajar dengan syarat telah terlebih dahulu mendapat kebenaran secara bertulis oleh Naib Canselor Universiti yang berkenaan. d) Ahli Kehormat Jawatankuasa Utama boleh memutuskan untuk menganugerahkan taraf Ahli Kehormat kepada mana-mana individu yang difikirkan layak. e) Ahli Bergabung

Ahli Bergabung adalah mana-mana Persatuan, Badan atau Pertubuhan Perniagaan yang aktiviti perniagaannya mempunyai kaitan dengan perniagaan Francais.

f) Ahli Antarabangsa

Ahli Antarabangsa terdiri daripada semua perniagaan atau organisasi atau institusi yang berdaftar di luar Malaysia.

g) Ahli Seumur Hidup

Jawatankuasa Utama mempunyai hak mutlak untuk membuat sebarang keputusan yang difikirkan perlu berhubung setiap permohonan Ahli Seumur Hidup dikalangan mana-mana ahli Biasa atau individu

(2) Syarat-syarat untuk menjadi ahli Pertubuhan adalah:

- (a) Tiap-tiap permohonan menjadi **Ahli Biasa, Ahli Bersekutu, Ahli Pelajar dan Ahli Antarabangsa** hendaklah dibuat dengan melengkapkan borang permohonan ahli dan hendaklah dicadangkan dan disokong oleh dua orang ahli dan memenuhi syarat-syarat lain sepertimana yang diperuntukkan di dalam Undang-Undang Tubuh ini dan diserahkan kepada Setiausaha Agung yang dikehendaki mengemukakan permohonan itu dengan secepat mungkin kepada Jawatankuasa Kecil Pendaftaran dan Etika dan seterusnya kepada Jawatankuasa Utama untuk diluluskan. Jawatankuasa Utama boleh mengikut budibicaranya menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebab-sebabnya.
- (b) Peruntukan Fasal 4(2)(a) walau bagaimanapun dikecualikan kepada Ahli Penaja. Ahli Penaja membawa maksud mereka yang menghadiri mesyuarat penubuhan Pertubuhan dan semua mereka yang dilantik di dalam mesyuarat penubuhan bagi menganggotai Jawatankuasa Protem.
- (c) Tiap-tiap permohonan daripada Francaisor, Francaisi Induk dan Francaisi, untuk layak dipertimbangkan

Ahli Bergabung adalah mana-mana Persatuan, Badan atau Pertubuhan Perniagaan yang aktiviti perniagaannya mempunyai kaitan dengan perniagaan Francais.

f) Ahli Antarabangsa

Ahli Antarabangsa terdiri daripada semua perniagaan atau organisasi atau institusi yang berdaftar di luar Malaysia.

g) Ahli Seumur Hidup

~~Jawatankuasa Utama mempunyai hak mutlak untuk membuat sebarang keputusan yang difikirkan perlu berhubung setiap permohonan Ahli Seumur Hidup dikalangan mana-mana ahli Biasa atau individu~~

2) Syarat-syarat untuk menjadi ahli Pertubuhan adalah:

- (a) Tiap-tiap permohonan menjadi **Ahli MFA** hendaklah dibuat dengan melengkapkan borang permohonan ahli dan hendaklah dicadangkan dan disokong oleh dua orang ahli dan memenuhi syarat-syarat lain sepertimana yang diperuntukkan di dalam Undang-Undang Tubuh ini dan diserahkan kepada Setiausaha Agung yang dikehendaki mengemukakan permohonan itu dengan secepat mungkin kepada Jawatankuasa Kecil Pendaftaran dan Etika dan seterusnya kepada Jawatankuasa Utama untuk diluluskan. Jawatankuasa Utama boleh mengikut budibicaranya menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebab-sebabnya.
- (b) Peruntukan Fasal 4(2)(a) walau bagaimanapun dikecualikan kepada Ahli Penaja. Ahli Penaja membawa maksud mereka yang menghadiri mesyuarat penubuhan Pertubuhan dan semua mereka yang dilantik di dalam mesyuarat penubuhan bagi menganggotai Jawatankuasa Protem.
- (c) Tiap-tiap permohonan daripada Francaisor, Francaisi Induk dan Francaisi, untuk layak dipertimbangkan menyertai Pertubuhan, hendaklah mengemukakan bersama-sama borang permohonan ahli, semua dokumen yang mengesahkan kedudukan mereka

menyertai Pertubuhan, hendaklah mengemukakan bersama-sama borang permohonan ahli, semua dokumen yang mengesahkan kedudukan mereka selaku Francaisor atau Francaisi Induk atau Francaisi dan apa-apa dokumen yang berkaitan. (d) Tiap-tiap permohonan daripada Institusi Sokongan hendaklah mengemukakan bersama-sama borang permohonan ahli, satu penyata yang lengkap mengenai khidmat secara langsung yang telah diberikannya. (e) Bilangan wakil Syarikat atau Badan Korporat atau Agensi dalam Pertubuhan adalah:- (i) Francaisor (termasuk Francaisor Induk) yang telah melantik di antara satu (1) sehingga dua puluh lima (25) Francaisi berhak menamakan seorang eksekutifnya untuk diwakili dalam Pertubuhan dan ia mempunyai hak seperti seorang Ahli Biasa. (ii) Francaisor (termasuk Francaisi Induk) yang telah melantik di antara dua puluh enam (26) sehingga seratus (100) Francaisi berhak menamakan dua (2) orang eksekutifnya untuk diwakili dalam Pertubuhan dan setiap seorang mempunyai hak seperti seorang Ahli Biasa. (iii) Francaisor (termasuk Francaisi Induk) yang telah melantik satu ratus dan satu (101) atau lebih Francaisi berhak menamakan tiga (3) orang eksekutifnya untuk diwakili dalam Pertubuhan dan setiap seorang mempunyai hak seperti seorang Ahli Biasa. (iv) Francaisi yang menjalankan di antara satu (1) hingga (5) outlet perniagaan francais selaku pemilik/pengusaha berhak menyertai Pertubuhan atas nama peribadinya.	selaku Francaisor atau Francaisi Induk atau Francaisi dan apa-apa dokumen yang berkaitan. (d) Tiap-tiap permohonan daripada Institusi Sokongan hendaklah mengemukakan bersama-sama borang permohonan ahli, satu penyata yang lengkap mengenai khidmat secara langsung yang telah diberikannya. (e) Bilangan wakil Syarikat atau Badan Korporat atau Agensi dalam Pertubuhan adalah:- (i) Francaisor (termasuk Francaisor Induk) yang telah melantik di antara satu (1) sehingga dua puluh lima (25) Francaisi berhak menamakan seorang pengarah atau wakil yang berkuasa dalam Pertubuhan dan ia mempunyai hak seperti seorang Ahli Biasa. (ii) Francaisor (termasuk Francaisi Induk) yang telah melantik di antara dua puluh enam (26) sehingga seratus (100) Francaisi berhak menamakan dua (2) orang pengarah atau wakil yang berkuasa dalam Pertubuhan dan setiap seorang mempunyai hak seperti seorang Ahli Biasa. (iii) Francaisor (termasuk Francaisi Induk) yang telah melantik satu ratus dan satu (101) atau lebih Francaisi berhak menamakan tiga (3) orang pengarah atau wakil yang berkuasa dalam Pertubuhan dan setiap seorang mempunyai hak seperti seorang Ahli Biasa. (iv) Francaisi yang menjalankan di antara satu (1) hingga (5) outlet perniagaan francais selaku pemilik/pengusaha berhak menamakan dirinya untuk diwakili dalam Pertubuhan dan mempunyai hak seperti seorang Ahli Biasa. (v) Francaisi yang menjalankan di antara enam (6) hingga sepuluh (10) outlet perniagaan fancais atas nama perniagaan yang sama berhak menamakan dirinya dan seorang lagi pengarah atau wakil yang berkuasa dalam Pertubuhan dan setiap seorang mempunyai hak seperti seorang Ahli Biasa.
--	---

(v) Francaisi yang menjalankan di antara enam (6) hingga sepuluh (10) outlet perniagaan francais atas nama perniagaan yang sama berhak menamakan dirinya dan seorang lagi eksekutifnya untuk diwakili dalam Pertubuhan dan setiap seorang mempunyai hak seperti seorang Ahli Biasa. (vi) Francaisi yang menjalankan sebelas (11) atau lebih outlet perniagaan francais atas nama perniagaan yang sama berhak menamakan dirinya dan dua (2) orang lagi eksekutifnya untuk diwakili dalam Pertubuhan dan setiap seorang mempunyai hak seperti seorang Ahli Biasa. (vii) Institusi-institusi Sokongan yang telah menyediakan khidmat secara langsung kepada di antara satu (1) hingga sepuluh (10) francaisi berhak menamakan seorang (1) eksekutifnya untuk diwakili dalam Pertubuhan dan ia mempunyai hak seperti seorang Ahli Biasa. (viii) Institusi-institusi Sokongan yang telah menyediakan khidmat secara langsung kepada sebelas (11) atau lebih Francaisi berhak menamakan dua (2) orang eksekutifnya untuk diwakili dalam Pertubuhan dan setiap seorang mempunyai hak seperti Ahli Biasa. (ix) Mesyuarat Agung boleh memutuskan tidak kurang daripada sepuluh (10) orang wakil daripada agensi awam yang terlibat secara langsung melaksanakan Program Pembangunan Francais untuk diwakili dalam Pertubuhan dan setiap seorang mempunyai hak seperti seorang Ahli Biasa. (x) Ahli Bersekutu boleh menamakan cuma seorang penama ataupun atas diri ahli itu sahaja. (xi) Ahli Pelajar boleh menyertai Pertubuhan atas diri ahli itu sendiri.	(vi) Francaisi yang menjalankan sebelas (11) atau lebih outlet perniagaan francais atas nama perniagaan yang sama berhak menamakan dirinya dan dua (2) orang lagi pengarah atau wakil yang berkuasa dalam Pertubuhan dan setiap seorang mempunyai hak seperti seorang Ahli Biasa. (vii) Institusi-institusi Sokongan yang telah menyediakan khidmat secara langsung kepada di antara satu (1) hingga sepuluh (10) francaisi berhak menamakan seorang (1) pengarah atau wakil yang berkuasa dalam Pertubuhan dan ia mempunyai hak seperti seorang Ahli Biasa. (viii) Institusi-institusi Sokongan yang telah menyediakan khidmat secara langsung kepada sebelas (11) atau lebih Francaisi berhak menamakan dua (2) orang pengarah atau wakil yang berkuasa dalam Pertubuhan dan setiap seorang mempunyai hak seperti Ahli Biasa. (ix) Mesyuarat Agung boleh memutuskan tidak kurang daripada sepuluh (10) orang wakil daripada kementerian yang bertanggungjawab yang terlibat secara langsung melaksanakan Program Pembangunan Francais untuk diwakili dalam Pertubuhan dan setiap seorang mempunyai hak seperti seorang Ahli Biasa. (x) Ahli Bersekutu boleh menamakan cuma seorang penama ataupun atas diri ahli itu sahaja. (xi) Ahli Pelajar boleh menyertai Pertubuhan atas diri ahli itu sendiri. (xii) Ahli Kehormat boleh menyertai Pertubuhan atas nama peribadi sahaja. (xiii) Ahli Antarabangsa boleh menamakan cuma seorang penama ataupun atas diri ahli itu sahaja. (f) — Tiap-Tiap Permohonan bagi Keahlian Soumur Hidup yang terdiri daripada keahlian sedia ada dikehendaki mengemukakan persetujuan untuk menjadi Ahli Soumur
---	---

(xii) Ahli Kehormat boleh menyertai Pertubuhan atas nama peribadi sahaja. (xiii) Ahli Antarabangsa boleh menamakan cuma seorang penama ataupun atas diri ahli itu sahaja. (f) Tiap-Tiap Permohonan bagi Keahlian Seumur Hidup yang terdiri daripada keahlian sedia ada dikehendaki mengemukakan persetujuan untuk menjadi Ahli Seumur Hidup dan menerima sebarang syarat yang ditetapkan. Bagi Keahlian Seumur Hidup dikalangan pemohon baru untuk menjadi ahli Persatuan hendaklah melalui proses sedia ada semasa untuk permohonan menjadi Ahli Biasa bagi permohonan Organisasi dan Ahli Bersekutu bagi permohonan Individu. (3) Keahlian Pertubuhan, termasuk wakil-wakil yang sah, adalah terbuka kepada lelaki dan perempuan yang berumur lapan belas (18) tahun atau lebih, dan tidak ada had dari segi bilangan, kaum, agama, bangsa, tempat tinggal, nama keturunan atau warganegara; tetapi bukan warganegara Malaysia tidak dibenarkan memegang apa-apa jawatan pemerintah Pertubuhan. (4) Tiap-tiap pemohon yang permohonannya telah dilulus bagi sejumlah wakil yang sah hendaklah setelah membayar yuran tahunan pertama seperti yang ditentukan diterima menjadi ahli Pertubuhan dan hendaklah ia atau wakil-wakil yang sah diberi taraf sebagai ahli. (5) Keahlian Pertubuhan tidak boleh dipindah dan/atau hak-hak keahlian tidak boleh diserahkan walau bagaimanapun, melainkan dengan kelulusan Jawatankuasa Utama. (6) Ahli-ahli mempunyai hak seperti berikut: (a) Ahli Biasa Ahli Biasa berhak mengundi setelah setahun menjadi Ahli MFA, tertakluk kepada fasal 4(7). Ahli Biasa juga berhak diundi, membentangi usul dan menyuarakan pendapat	Hidup dan menerima sebarang syarat yang ditetapkan. Bagi Keahlian Seumur Hidup dikalangan pemohon baru untuk menjadi ahli Persatuan hendaklah melalui proses sedia ada semasa untuk permohonan menjadi Ahli Biasa bagi permohonan Organisasi dan Ahli Bersekutu bagi permohonan Individu. (3) Keahlian Pertubuhan, termasuk wakil-wakil yang sah, adalah terbuka kepada lelaki dan perempuan yang berumur lapan belas (18) tahun atau lebih, dan tidak ada had dari segi bilangan, kaum, agama, bangsa, tempat tinggal, nama keturunan atau warganegara; tetapi bukan warganegara Malaysia tidak dibenarkan memegang apa-apa jawatan pemerintah Pertubuhan. (4) Tiap-tiap pemohon yang permohonannya telah dilulus bagi sejumlah wakil yang sah hendaklah setelah membayar yuran tahunan pertama seperti yang ditentukan diterima menjadi ahli Pertubuhan dan hendaklah ia atau wakil-wakil yang sah diberi taraf sebagai ahli. (5) Keahlian Pertubuhan tidak boleh dipindah dan/atau hak-hak keahlian tidak boleh diserahkan walau bagaimanapun, melainkan dengan kelulusan Jawatankuasa Utama. (6) Ahli-ahli mempunyai hak seperti berikut: (a) Ahli Biasa Ahli Biasa berhak mengundi setelah setahun menjadi Ahli MFA, tertakluk kepada fasal 4(7). Ahli Biasa juga berhak diundi, membentangi usul dan menyuarakan pendapat di dalam Mesyuarat Agung serta berhak mendapat segala kemudahan Pertubuhan. Selain dari itu, Ahli biasa berhak mengenalkan diri mereka sebagai ahli Pertubuhan dan menggunakan lambang Pertubuhan untuk tujuan promosi dan pengiklanan material-material perniagaan mereka. (b) Ahli Bersekutu Ahli Bersekutu boleh mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti Pertubuhan dan menerima segala kemudahan Pertubuhan tetapi tidak berhak mengundi, melantik dan memegang
---	---

pendapat di dalam Mesyuarat Agung serta berhak mendapat segala kemudahan Pertubuhan. Selain dari itu, Ahli biasa berhak mengenalkan diri mereka sebagai ahli Pertubuhan dan menggunakan lambang Pertubuhan untuk tujuan promosi dan pengiklanan material-material perniagaan mereka. (b) Ahli Bersekutu Ahli Bersekutu boleh mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti Pertubuhan dan menerima segala kemudahan Pertubuhan tetapi tidak berhak mengundi, melantik dan memegang jawatan dalam Jawatankuasa Utama: tetapi boleh memegang mana-mana jawatan di dalam Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil. (c) Ahli Pelajar Ahli Pelajar cuma berhak menggunakan kemudahan-kemudahan dan penerbitan Pertubuhan tertakluk kepada pembayaran dan syarat-syarat lain yang ditentukan oleh Jawatankuasa Utama. (d) Ahli kehormat Ahli Kehormat berhak menerima segala kemudahan Pertubuhan tetapi tidak berhak mengundi, melantik atau memegang mana-mana jawatan dalam Jawatankuasa Utama, melainkan jawatan Penaung dan Penasihat. (e) Ahli Bergabung Ahli Bergabung mempunyai hak yang sama seperti Ahli Bersekutu. (f) Ahli Antarabangsa Ahli Antarabangsa yang telah berdaftar dan diluluskan oleh Pendaftar Francais mempunyai hak sama dengan ahli Biasa manakala Ahli Antarabangsa yang tidak	jawatan dalam Jawatankuasa Utama: tetapi boleh memegang mana-mana jawatan di dalam Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil. (c) Ahli Pelajar Ahli Pelajar cuma berhak menggunakan kemudahan-kemudahan dan penerbitan Pertubuhan tertakluk kepada pembayaran dan syarat-syarat lain yang ditentukan oleh Jawatankuasa Utama. (d) Ahli kehormat Ahli Kehormat berhak menerima segala kemudahan Pertubuhan tetapi tidak berhak mengundi, melantik atau memegang mana-mana jawatan dalam Jawatankuasa Utama, melainkan jawatan Penaung dan Penasihat. (e) Ahli Bergabung Ahli Bergabung mempunyai hak yang sama seperti Ahli Bersekutu. (f) Ahli Antarabangsa Ahli Antarabangsa yang telah berdaftar dan diluluskan oleh Pendaftar Francais mempunyai hak sama dengan ahli Biasa iaitu berhak diundi, membentang usul dan menyuarakan pendapat di dalam Mesyuarat Agung serta berhak mendapat segala kemudahan Pertubuhan. Selain itu, ia berhak mengenalkan diri mereka sebagai ahli Pertubuhan dan menggunakan lambang Pertubuhan untuk tujuan promosi dan pengiklanan material-material perniagaan mereka. manakala Ahli Antarabangsa yang tidak mendaftar dengan Pendaftar Francais mempunyai hak seperti Ahli Bersekutu iaitu tidak berhak mengundi, melantik dan memegang jawatan dalam Jawatankuasa Utama: tetapi boleh memegang mana-mana jawatan di dalam Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil. (g) Ahli Seumur Hidup
--	--

mendaftar dengan Pendaftar Francais mempunyai hak seperti Ahli Bersekutu. (g) Ahli Seumur Hidup Ahli Seumur Hidup bagi keanggotaan di kalangan organisasi mempunyai hak yang sama seperti Ahli Biasa. Manakala Ahli Seumur Hidup bagi keanggotaan di kalangan individu mempunyai hak yang sama seperti Ahli Bersekutu. Walaubagaimana pun, Jawatankuasa Utama mempunyai hak mutlak untuk membuat sebarang pindaan ke atas hak ahli Seumur Hidup ini. (7) Tidak boleh mana-mana pihak di kalangan Francaisor atau Francaisi bagi produk yang sama mempunyai kuasa mengundi yang lebih banyak daripada lima (5) undi. Dalam keadaan mana bilangan francaisi melebihi lima (5) orang, jumlah bilangan undi hendaklah dibahagi sedemikian rupa membawa kepada wajaran sebanyak lima (5) undi. (8) Kewajipan ahli-ahli adalah: (a) Menjunjung kedaulatan Perlembagaan Persatuan. (b) Berikhtiar menjayakan segala keputusan Mesyuarat Agung. (c) Mempereratkan tali persaudaraan dan kekeluargaan antara ahli-ahli. (d) Membayar yuran yang ditetapkan atau sebarang bayaran selain daripada yang ditetapkan. (e) Menyempurnakan segala kerja dan rancangan-rancangan yang dipinta dilaksanakan oleh Jawatankuasa Utama dan Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil dari masa ke semasa.	Ahli Seumur Hidup bagi keanggotaan di kalangan organisasi mempunyai hak yang sama seperti Ahli Biasa. Manakala Ahli Seumur Hidup bagi keanggotaan di kalangan individu mempunyai hak yang sama seperti Ahli Bersekutu. Walaubagaimana pun, Jawatankuasa Utama mempunyai hak mutlak untuk membuat sebarang pindaan ke atas hak ahli Seumur Hidup ini. (7) Tidak boleh mana-mana pihak dalam kalangan Francaisor atau Francaisi bagi jenama yang sama mempunyai kuasa mengundi yang lebih banyak daripada lima (5) undi. Dalam keadaan mana bilangan francaisi melebihi lima (5) orang, jumlah bilangan undi hendaklah dibahagi sedemikian rupa membawa kepada wajaran sebanyak lima (5) undi. (8) Kewajipan ahli-ahli adalah: (a) Mematuhi Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang yang berkuatkuasa. (b) Menjunjung kedaulatan Undang-undang Tubuh Persatuan (c) Berikhtiar menjayakan segala keputusan Mesyuarat Agung. (d) Mempereratkan tali persaudaraan dan kekeluargaan antara ahli-ahli. (e) Membayar yuran yang ditetapkan atau sebarang bayaran selain daripada yang ditetapkan. (f) Menyempurnakan segala kerja dan rancangan-rancangan yang dipinta dilaksanakan oleh Jawatankuasa Utama dan Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil dari masa ke semasa.
---	---

ASAL	PINDAAN
5. BAYARAN MEMPROSES PERMOHONAN, YURAN DAN BAYARAN LAIN (1) Bayaran memproses permohonan untuk menjadi ahli Pertubuhan adalah seperti berikut: (a) Tiap-tiap permohonan untuk dipertimbangkan sebagai seorang Ahli Biasa daripada Francaisor (termasuk Francaisi Induk) dan Institusi Sokongan hendaklah membuat bayaran proses sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Ratus Sahaja (RM300.00) bagi setiap wakil yang sah. (b) Tiap-tiap permohonan untuk dipertimbangkan sebagai Ahli Biasa daripada Francaisi hendaklah membuat bayaran proses sebanyak Ringgit Malaysia Seratus Lima Puluh Sahaja (RM150.00) bagi setiap wakil yang sah. (c) Tiap-tiap permohonan untuk dipertimbangkan sebagai Ahli Bersekutu hendaklah membuat bayaran proses sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Ratus Sahaja (300.00). (d) Tiap-tiap permohonan untuk dipertimbangkan sebagai Ahli Pelajar hendaklah membuat bayaran proses sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh Sahaja (RM50.00). (e) Ahli Kehormat tidak diwajibkan membayar sebarang bayaran proses keahlian. (f) Tiap-tiap permohonan untuk dipertimbangkan sebagai Ahli Seumur Hidup hendaklah membuat bayaran proses sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Ratus Sahaja (RM300.00). (g) Tiap-tiap permohonan untuk dipertimbangkan sebagai Ahli Antarabangsa hendaklah membuat bayaran proses sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Ratus Sahaja (RM300.00). (2) Yuran tahunan Pertubuhan adalah: (a) Ahli Biasa yang terdiri daripada Francaisor (termasuk Francaisi Induk) dan Institusi Sokongan hendaklah	5. BAYARAN MEMPROSES PERMOHONAN, YURAN DAN BAYARAN LAIN (1) Bayaran memproses permohonan untuk menjadi ahli Pertubuhan adalah seperti berikut: (a) Tiap-tiap permohonan untuk dipertimbangkan sebagai seorang Ahli Biasa daripada Francaisor (termasuk Francaisi Induk) dan Institusi Sokongan hendaklah membuat bayaran proses sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ribu Sahaja (RM1,000.00) bagi setiap wakil yang sah. (b) Tiap-tiap permohonan untuk dipertimbangkan sebagai Ahli Biasa daripada Francaisi hendaklah membuat bayaran proses sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ribu Sahaja (RM1,000.00) bagi setiap wakil yang sah. (c) Tiap-tiap permohonan untuk dipertimbangkan sebagai Ahli Bersekutu hendaklah membuat bayaran proses sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ribu Sahaja (RM1,000.00). (d) Tiap-tiap permohonan untuk dipertimbangkan sebagai Ahli Pelajar hendaklah membuat bayaran proses sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Ratus Sahaja (RM300.00). (e) Ahli Kehormat tidak diwajibkan membayar sebarang bayaran proses keahlian. (f) Tiap-tiap permohonan untuk dipertimbangkan sebagai Ahli Seumur Hidup hendaklah membuat bayaran proses sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Ratus Sahaja (RM300.00). (g) Tiap-tiap permohonan untuk dipertimbangkan sebagai Ahli Antarabangsa hendaklah membuat bayaran proses sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ribu Sahaja (RM1,000.00). (2) Yuran tahunan Pertubuhan adalah: (a) Ahli Biasa yang terdiri daripada Francaisor (termasuk Francaisi Induk) dan Institusi Sokongan hendaklah

membuat bayaran yuran tahunan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ribu Sahaja (RM2,000.00) bagi setiap seorang wakil yang sah. (b) Ahli Biasa yang terdiri daripada Francaisi hendaklah membuat bayaran yuran tahunan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus Sahaja (RM200.00) bagi setiap seorang wakil yang sah. (c) Ahli Bersekutu yang terdiri daripada Bakal Francaisor atau Francaisi Induk atau Institusi Sokongan, hendaklah membuat bayaran yuran tahunan sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ribu Sahaja (RM1,000.00), manakala Ahli Bersekutu, yang terdiri daripada Bakal Francaisi, hendaklah membuat bayaran yuran tahunan sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Ratus Sahaja (RM300.00). (d) Ahli Pelajar yang sedang mengikuti pengajian sijil, diploma dan ijazah hendaklah membuat bayaran yuran tahunan sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh Sahaja (RM50.00), manakala lain-lain ahli pelajar hendaklah membuat bayaran yuran tahunan sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus Sahaja (RM100). (e) Ahli Kehormat tidak diwajibkan membayar yuran tahunan. (f) Ahli Bergabung hendaklah membuat bayaran yuran tahunan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ribu Sahaja (RM2,000.00). (g) Bayaran yuran tahunan boleh dibayar pada awal tahun kewangan atau dalam bentuk ansuran beberapa bayaran ataupun secara ansuran bulanan dengan satu jumlah yang sama. Sekiranya ahli memilih untuk mengambil opsyen membayar secara ansuran bulanan, bayaran hendaklah disempurnakan sebelum lima belas (15) haribulan pada setiap bulan. (h) Jawatankuasa Utama boleh meluluskan sebarang diskaun ke atas yuran tahunan atau mengecualikannya kepada mana-mana ahli yang telah membuat sumbangan khidmat,	membuat bayaran yuran tahunan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ribu Lima Ratus Sahaja (RM2,500.00) bagi setiap seorang wakil yang sah. (b) Ahli Biasa yang terdiri daripada Francaisi hendaklah membuat bayaran yuran tahunan sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ratus Sahaja (RM500.00) bagi setiap seorang wakil yang sah. (c) Ahli Bersekutu yang terdiri daripada Bakal Francaisor atau Francaisi Induk atau Institusi Sokongan, hendaklah membuat bayaran yuran tahunan sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ribu Dua Ratus Lima Puluh Sahaja (RM1,250.00), manakala Ahli Bersekutu, yang terdiri daripada Bakal Francaisi, hendaklah membuat bayaran yuran tahunan sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Ratus Tujuh Puluh Lima Sahaja (RM375.00). (d) Ahli Pelajar yang sedang mengikuti pengajian sijil, diploma dan ijazah hendaklah membuat bayaran yuran tahunan sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh Sahaja (RM50.00), manakala lain-lain ahli pelajar hendaklah membuat bayaran yuran tahunan sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus Sahaja (RM100). (e) Ahli Kehormat tidak diwajibkan membayar yuran tahunan. (f) Ahli Bergabung hendaklah membuat bayaran yuran tahunan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ribu Lima Ratus Sahaja (RM2,500.00). (g) Bayaran yuran tahunan boleh dibayar pada awal tahun kewangan atau dalam bentuk ansuran beberapa bayaran ataupun secara ansuran bulanan dengan satu jumlah yang sama. Sekiranya ahli memilih untuk mengambil opsyen membayar secara ansuran bulanan sehingga enam (6) bulan maksimum dari tarikh inbois yang dikeluarkan dan bayaran hendaklah disempurnakan sebelum lima belas (15) haribulan pada setiap bulan.
---	--

material atau kewangan kepada Pertubuhan atau mengemukakan permohonan keahlian bukan pada awal tahun. (i) Ahli Antarabangsa hendaklah membuat bayaran yuran tahunan sebanyak RM2,000.00. (j) Ahli Seumur Hidup yang terdiri daripada organisasi hendaklah membuat bayaran yuran keahlian sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu Sahaja (RM30,000.00) bagi setiap seorang wakil yang sah. Manakala Ahli Seumur Hidup yang terdiri daripada individu hendaklah membuat bayaran yuran keahlian sebanyak Ringgit M'sia Lima Belas Ribu Sahaja (RM15,000.00) bagi setiap seorang wakil yang sah. (3) Ahli yang membiarkan hutangnya tertangguh lebih daripada enam (6) bulan akan menerima satu notis yang ditandatangani oleh atau wakil Setiausaha Agung, dan hilanglah hak-hak keistimewaannya sebagai ahli sehingga semua hutangnya telah dibayar. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Utama mempunyai kuasa budi bicara untuk menentukan status keahlian tersebut. (4) Jawatankuasa Utama mempunyai kuasa menetapkan yuran memproses semula bagi sesiapa yang telah membiarkan keahliannya terlucut disebabkan hutang. (5) Yuran khas atau kutipan wang daripada ahli-ahli untuk perkara yang tertentu boleh dijalankan dengan persetujuan Mesyuarat Agung ahli-ahli. Sekiranya ada ahli yang mungkir membayar wang tersebut di dalam masa yang ditetapkan, maka wang itu akan dianggap sama sepertimana hutang yuran tahunan. (6) Ahli Seumur Hidup yang terdiri daripada organisasi hendaklah membuat bayaran yuran keahlian sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu Sahaja (RM30,000.00) bagi setiap seorang wakil yang sah. Manakala Ahli Seumur Hidup yang terdiri daripada individu hendaklah membuat bayaran yuran keahlian sebanyak Ringgit M'sia Lima Belas Ribu Sahaja (RM15,000.00) bagi setiap seorang wakil yang sah.	(h) Jawatankuasa Utama boleh meluluskan sebarang diskaun ke atas yuran tahunan atau mengecualikannya kepada mana-mana ahli yang telah membuat sumbangan khidmat, aset, barangan atau kewangan kepada Pertubuhan atau mengemukakan permohonan keahlian bukan pada awal tahun. (i) Ahli Antarabangsa hendaklah membuat bayaran yuran tahunan sebanyak RM2,500.00. (j) Ahli Seumur Hidup yang terdiri daripada organisasi hendaklah membuat bayaran yuran keahlian sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu Sahaja (RM30,000.00) bagi setiap seorang wakil yang sah. Manakala Ahli Seumur Hidup yang terdiri daripada individu hendaklah membuat bayaran yuran keahlian sebanyak Ringgit M'sia Lima Belas Ribu Sahaja (RM15,000.00) bagi setiap seorang wakil yang sah. (3) Ahli yang membiarkan hutangnya tertangguh lebih daripada enam (6) bulan akan menerima satu notis yang ditandatangani oleh atau wakil Setiausaha Agung, dan hilanglah hak-hak keistimewaannya sebagai ahli sehingga semua hutangnya telah dibayar. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Utama mempunyai kuasa budi bicara untuk menentukan status keahlian tersebut. (4) Jawatankuasa Utama mempunyai kuasa menetapkan yuran memproses semula bagi sesiapa yang telah membiarkan keahliannya terlucut disebabkan hutang. (5) Yuran khas atau kutipan wang daripada ahli-ahli untuk perkara yang tertentu boleh dijalankan dengan persetujuan Mesyuarat Agung ahli-ahli. Sekiranya ada ahli yang mungkir membayar wang tersebut di dalam masa yang ditetapkan, maka wang itu akan dianggap sama sepertimana hutang yuran tahunan. (6) Ahli Seumur Hidup yang terdiri daripada organisasi hendaklah membuat bayaran yuran keahlian sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu Sahaja (RM30,000.00) bagi setiap seorang wakil yang sah. Manakala Ahli Seumur Hidup yang terdiri daripada individu
---	---

	hendaklah membuat bayaran yuran keahlian sebanyak Ringgit M'sia Lima Belas Ribu Sahaja (RM15,000.00) bagi setiap seorang wakil yang sah.
--	--

ASAL	PINDAAN
6. PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI (1) Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli Pertubuhan hendaklah memberi kenyataan yang bertulis tiga (3) bulan terlebih dahulu kepada Setiausaha Agung dan membayar segala hutangnya. Penarikan diri tidak diakui sah sebelum menerima jawapan rasmi daripada Jawatankuasa Utama menyatakan tidak ada apa-apa hutang atau harta kepunyaan Pertubuhan yang masih dalam simpanan ahli. (2) Sekiranya Jawatankuasa Kecil Pendaftaran dan Etika mendapati bahawa kegiatan dan kelakuan yang dilakukan oleh seseorang ahli itu mencemarkan atau boleh mencemarkan nama baik Pertubuhan atau telah gagal mematuhi undang-undang Pertubuhan atau telah memungkir Kod Etika Pertubuhan, Jawatankuasa Kecil tersebut boleh memecat atau menggantung keahliannya dalam sesuatu tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah. Sebelum Jawatankuasa Kecil Pendaftaran dan Etika memecat atau menggantung ahli, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab-sebab bagi pemecatan atau penggantungan secara bertulis. Ahli tersebut hendaklah diberi peluang menerang dan membela dirinya. (3) Ahli yang dipecat atau digantung keahliannya di bawah Fasal 6(2) di atas mempunyai hak untuk merayu kepada Jawatankuasa Utama terhadap keputusan Jawatankuasa Kecil Pendaftaran dan Etika dengan memberi satu notis bertulis akan rayuannya kepada Setiausaha Agung. (4) Sekiranya Setiausaha Agung tidak menerima sebarang rayuan dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh notis pemecatan atau penggantungan, ahli itu akan ditakrifkan sebagai tidak lagi berminat untuk meneruskan keahliannya di dalam Pertubuhan.	6. PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI (1) Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli Pertubuhan hendaklah memberi kenyataan yang bertulis tiga (3) bulan terlebih dahulu kepada Setiausaha Agung dan membayar segala hutangnya. Penarikan diri tidak diakui sah sebelum menerima jawapan rasmi daripada Jawatankuasa Utama menyatakan tidak ada apa-apa hutang atau harta kepunyaan Pertubuhan yang masih dalam simpanan ahli. (2) Sekiranya Jawatankuasa Kecil Pendaftaran dan Etika mendapati bahawa kegiatan dan kelakuan yang dilakukan oleh seseorang ahli itu mencemarkan atau boleh mencemarkan nama baik Pertubuhan atau telah gagal mematuhi undang-undang Pertubuhan atau telah memungkir Kod Etika Pertubuhan, Jawatankuasa Kecil tersebut boleh memecat atau menggantung keahliannya dalam sesuatu tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah. Sebelum Jawatankuasa Kecil Pendaftaran dan Etika memecat atau menggantung ahli, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab-sebab bagi pemecatan atau penggantungan secara bertulis. Ahli tersebut hendaklah diberi peluang menerang dan membela dirinya. (3) Ahli yang dipecat atau digantung keahliannya di bawah Fasal 6(2) di atas mempunyai hak untuk merayu kepada Jawatankuasa Utama terhadap keputusan Jawatankuasa Kecil Pendaftaran dan Etika dengan memberi satu notis bertulis akan rayuannya kepada Setiausaha Agung. (4) Sekiranya Setiausaha Agung tidak menerima sebarang rayuan dalam tempoh dua (2) bulan daripada tarikh notis pemecatan atau penggantungan, ahli itu akan ditakrifkan sebagai tidak lagi berminat untuk meneruskan keahliannya di dalam Pertubuhan.

(5) Ahli-ahli yang rayuannya gagal dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Utama adalah dianggapkan sebagai telah digantung atau dipecat daripada menjadi ahli. (6) Seseorang ahli yang dipecat boleh membuat rayuan terakhir di dalam tempoh tidak lewat daripada dua belas (12) bulan untuk dipertimbangkan oleh Mesyuarat Agung. Keputusan Mesyuarat Agung dengan keputusan suara terbanyak ahli yang hadir adalah muktamad.	(5) Ahli-ahli yang rayuannya gagal dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Utama adalah dianggapkan sebagai telah digantung atau dipecat daripada menjadi ahli. (6) Seseorang ahli yang dipecat boleh membuat rayuan terakhir di dalam tempoh tidak lewat daripada dua belas (12) bulan untuk dipertimbangkan oleh Mesyuarat Agung. Keputusan Mesyuarat Agung dengan keputusan suara terbanyak ahli yang hadir adalah muktamad.
---	---

ASAL	PINDAAN
7. PENGELOLAAN PERTUBUHAN Pengelolaan Pertubuhan adalah mengikut keutamaan seperti berikut: i. Mesyuarat Agung ii. Jawatankuasa Utama iii. Jawatankuasa Eksekutif iv. Jawatankuasa Kecil v. Ketua Eksekutif	7. PENGELOLAAN PERTUBUHAN Pengelolaan Pertubuhan adalah mengikut keutamaan seperti berikut: (a) Mesyuarat Agung (b) Jawatankuasa Utama (c) Jawatankuasa Eksekutif (d) Jawatankuasa Kecil (e) Ketua Pegawai Eksekutif

ASAL	PINDAAN
8. MESYUARAT AGUNG (1) Mesyuarat Agung adalah badan tertinggi dalam Pertubuhan. Sekurang-kurangnya satu per dua daripada jumlah ahli yang berhak mengundi atau dua kali jumlah ahli Jawatankuasa Utama, ikut mana yang kurang, hendaklah hadir di dalam Mesyuarat Agung bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi bilangan (korum) untuk mesyuarat. (2) Jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Utama, tetapi tidak lebih daripada tiga puluh (30) hari; dan jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu	8. MESYUARAT AGUNG (1) Mesyuarat Agung Tahunan adalah badan tertinggi dalam Pertubuhan. Sekurang-kurangnya satu per dua daripada jumlah ahli yang berhak mengundi atau dua kali jumlah ahli Jawatankuasa Utama, ikut mana yang kurang, hendaklah hadir di dalam Mesyuarat Agung Tahunan bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi bilangan (korum) untuk mesyuarat. (2) Jika korum tidak cukup selepas satu jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Utama, tetapi tidak lebih daripada tiga puluh (30) hari; dan jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu

maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir menjalankan mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa mengubah undang-undang Pertubuhan dan membuat keputusan-keputusan yang melibatkan semua ahli. (3) Mesyuarat Agung Tahunan bagi Pertubuhan hendaklah diadakan dengan secepat mungkin setelah akhir tahun kewangan tetapi tidak lewat daripada 30 haribulan Jun pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Utama. (4) Kerja-kerja Mesyuarat Agung Tahunan ialah: - Menetapkan dasar-dasar Pertubuhan - Mengesahkan minit Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Khas. - Membentang dan menerima laporan Jawatankuasa Utama berkenaan aktiviti Pertubuhan di tahun yang lalu. - Membentang dan menerima laporan Bendahari Agung dan Juruaudit Dalaman bagi tahun kewangan yang lalu. - Pindaan Undang-undang Tubuh Pertubuhan (jika ada). - Memilih ahli-ahli Jawatankuasa Utama (tiap-tiap tiga (3) tahun sekali). - Memilih Juruaudit Dalaman (tiap-tiap dua tahun sekali). - Membincangkan usul-usul (yang telah dihantar kepada Setiausaha Agung sekurang-kurangnya seminggu sebelum Mesyuarat Agung dijalankan dan dipersetujui oleh Jawatankuasa Utama). - Menimbangkan rayuan ahli yang digantung dan dipecat (jika ada). (5) Setiausaha Agung hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan diadakan, satu agenda termasuk salinan minit mesyuarat tahun yang sebelumnya, sesalinan mesyuarat-mesyuarat Agung khas (jika ada) dan laporan berserta dengan penyata kira-kira Pertubuhan bagi tahun lalu yang telah diauditkan. Salinan surat-surat juga hendaklah dibekalkan untuk dibaca oleh ahli-ahli di tempat urusan Pertubuhan.	maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir menjalankan mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa mengubah undang-undang Pertubuhan dan membuat keputusan-keputusan yang melibatkan semua ahli. (3) Mesyuarat Agung Tahunan bagi Pertubuhan hendaklah diadakan dengan secepat mungkin setelah akhir tahun kewangan tetapi tidak lewat daripada 30 haribulan Jun pada tarikh, masa, kaedah dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Utama. (4) Kerja-kerja Mesyuarat Agung Tahunan ialah: - Menetapkan dasar-dasar Pertubuhan - Mengesahkan minit Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Khas. - Membentang dan menerima laporan Jawatankuasa Utama berkenaan aktiviti Pertubuhan di tahun yang lalu. - Membentang dan menerima laporan Bendahari Agung dan Juruaudit Dalaman bagi tahun kewangan yang lalu. - Pindaan Undang-undang Tubuh Pertubuhan (jika ada). - Memilih ahli-ahli Jawatankuasa Utama (tiap-tiap tiga (3) tahun sekali). - Memilih Juruaudit Dalaman (tiap-tiap dua tahun sekali). - Membincangkan usul-usul (yang telah dihantar kepada Setiausaha Agung sekurang-kurangnya seminggu sebelum Mesyuarat Agung dijalankan dan dipersetujui oleh Jawatankuasa Utama). - Menimbangkan rayuan ahli yang digantung dan dipecat (jika ada). (5) Setiausaha Agung hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan diadakan, satu agenda termasuk salinan minit mesyuarat tahun yang sebelumnya, sesalinan mesyuarat-mesyuarat Agung khas (jika ada) dan laporan berserta dengan penyata kira-kira Pertubuhan bagi tahun lalu yang telah diauditkan. Salinan surat-surat juga hendaklah dibekalkan untuk dibaca oleh ahli-ahli di tempat urusan Pertubuhan.
--	--

(6) Mesyuarat Agung Khas Pertubuhan ini boleh diadakan : i. Bila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa Utama, atau ii. Atas permintaan beramai-ramai dengan bertulis oleh tidak kurang daripada satu perlima daripada jumlah ahli yang berhak mengundi dengan menerangkan tujuan dan sebab mengadakan. Permintaan itu hendaklah dihantar kepada Setiausaha Agung. (7) Mesyuarat Agung Khas yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh di dalam tempoh satu bulan dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu. (8) Pengumuman dan agenda Mesyuarat Agung khas itu hendaklah diedarkan oleh Setiausaha Agung kepada semua ahli sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk mesyuarat. (9) Fasal 8 (1) dan 8 (2) berkenaan korum dan penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah digunakan untuk Mesyuarat Agung Khas, tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli, maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan dan mesyuarat Agung khas atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh asal mesyuarat Agung khas itu. (10) Setiausaha Agung hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli satu salinan draf minit Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Khas dengan seberapa segera yang boleh setelah selesai mesyuarat itu.	(6) Mesyuarat Agung Khas Pertubuhan ini boleh diadakan : i. Bila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa Utama, atau ii. Atas permintaan beramai-ramai dengan bertulis dan ditandatangani oleh wakil yang sah bagi pertubuhan tersebut tidak kurang daripada satu perlima daripada jumlah ahli yang berhak mengundi dengan menerangkan tujuan dan sebab mengadakan. Permintaan itu hendaklah dihantar kepada Setiausaha Agung dipejabat pendaftar dan diperakui oleh Pengerusi atau mana-mana Naib Pengerusi dan Setiausaha Agung (7) Mesyuarat Agung Khas yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh di dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu. (8) Pengumuman dan agenda Mesyuarat Agung khas itu hendaklah diedarkan oleh Setiausaha Agung kepada semua ahli sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk mesyuarat. (9) Fasal 8 (1) dan 8 (2) berkenaan korum dan penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah digunakan untuk Mesyuarat Agung Khas, tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas satu jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli, maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan dan mesyuarat Agung khas atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh asal mesyuarat Agung khas itu. (10) Setiausaha Agung hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli satu salinan draf minit Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Khas dengan seberapa segera yang boleh setelah selesai mesyuarat itu.
---	---

ASAL	PINDAAN
9. JAWATANKUASA UTAMA	9. JAWATANKUASA UTAMA

(1) Satu Jawatankuasa Utama yang dinamakan Pegawai Pertubuhan hendaklah dipilih di dalam Mesyuarat Agung Tahunan tiap-tiap dua (3) tahun, mengandungi: (a) Seorang Pengerusi (b) Dua orang Naib Pengerusi (c) Seorang Setiausaha Agung (d) Dua orang Penolong Setiausaha (e) Seorang Bendahari Agung (f) Seorang Penolong Bendahari (g) Tujuh orang Ahli Jawatankuasa biasa Sesuai jawatan yang sama bolehlah dipegang tidak melebihi lima (5) penggal berturut-turut. (2) Selaras dengan tujuan Pertubuhan yang disebut dalam Fasal 3(2)c, Kerajaan, melalui agensi awam yang bertanggungjawab ke atas pembangunan perniagaan francais, berhak mencadang dan menasihati Pertubuhan mana-mana orang untuk dipilih untuk menganggotai Jawatankuasa Utama. (3) Jawatankuasa Utama selain daripada itu, bolehlah mengikut budibicaranya melantik empat (4) orang Ahli Jawatankuasa Tambahan, yang difikirkan perlu untuk mewakili golongan-golongan tertentu di dalam Jawatankuasa Utama. (4) Pemegang-pemegang jawatan Pertubuhan ini dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas Pemerintahan dalam Pertubuhan ini hendaklah terdiri dari Warganegara Malaysia. (5) Nama untuk jawatan-jawatan dalam Fasal 9(1) hendaklah dicadangkan oleh ahli-ahli yang hadir dalam Mesyuarat Agung dan disokong, dan pemilihan dijalankan dengan cara mengundi mengikut wajaran hak mengundi ahli seperti yang diperuntukkan pada Fasal 4 (7). (6) Walau dalam keadaan bagaimana sekalipun, tidaklah boleh lebih dari satu orang wakil yang sah dari Francaisor yang sama atau francaisor-francaisor dalam kumpulan syarikat yang mempunyai pertalian korporat antara satu sama lain menduduki Jawatankuasa	(1) Satu Jawatankuasa Utama yang dinamakan Pegawai Pertubuhan hendaklah dipilih di dalam Mesyuarat Agung Tahunan tiap-tiap dua (3) tahun, mengandungi: (a) Seorang Pengerusi (b) Dua orang Naib Pengerusi (c) Seorang Setiausaha Agung (d) Dua orang Penolong Setiausaha (e) Seorang Bendahari Agung (f) Seorang Penolong Bendahari (g) Tujuh orang Ahli Jawatankuasa biasa Sesuai jawatan yang sama bolehlah dipegang tidak melebihi tiga (3) penggal berturut-turut. (2) Selaras dengan tujuan Pertubuhan yang disebut dalam Fasal 3(2)c, Kerajaan, melalui kementerian yang bertanggungjawab ke atas pembangunan perniagaan francais, berhak mencadang dan menasihati Pertubuhan mana-mana orang untuk dipilih untuk menganggotai Jawatankuasa Utama. (3) Jawatankuasa Utama selain daripada itu, bolehlah mengikut budibicaranya melantik empat (4) orang Ahli Jawatankuasa Tambahan, yang difikirkan perlu untuk mewakili golongan-golongan tertentu di dalam Jawatankuasa Utama. (4) Pemegang-pemegang jawatan Pertubuhan ini dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas Pemerintahan dalam Pertubuhan ini hendaklah terdiri dari Warganegara Malaysia. (5) Nama untuk jawatan-jawatan dalam Fasal 9(1) hendaklah dicadangkan oleh ahli-ahli yang hadir dalam Mesyuarat Agung dan disokong, dan pemilihan dijalankan dengan cara mengundi mengikut wajaran hak mengundi ahli seperti yang diperuntukkan pada Fasal 4 (7). (6) Walau dalam keadaan bagaimana sekalipun, tidaklah boleh lebih dari satu orang wakil yang sah dari Francaisor yang sama atau francaisor-francaisor dalam kumpulan syarikat yang mempunyai
---	---

Utama; dan tidak lebih dari dua orang Francaisi dari francais atau francais-francais milik kepunyaan syarikat yang mempunyai pertalian korporat antara satu sama lain boleh menduduki Jawatankuasa Utama. (7) Pekerjaan Jawatankuasa Utama ialah bagi menetapkan dasar-dasar Pertubuhan. Jawatankuasa Utama seharusnya tidaklah boleh membuat tindakan bertentangan dengan keputusan Mesyuarat Agung dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya dan Jawatankuasa Utama mestilah sentiasa taat kepada Mesyuarat Agung. Jawatankuasa Utama hendaklah memberi laporan berkenaan kegiatannya dalam tahun yang lalu kepada tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan. (8) Jawatankuasa Utama hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali di dalam tiga (3) bulan. Pengumuman bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli-ahli tujuh (7) hari terlebih dahulu. Pengerusi dengan bersendirian atau tidak kurang daripada empat (4) orang ahli Jawatankuasa Utama boleh memanggil supaya diadakan mesyuarat Jawatankuasa Utama pada bila-bila masa. Sekurang-kurangnya setengah daripada bilangan ahli Jawatankuasa Utama hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupi korum mesyuarat. (9) Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Jawatankuasa Utama dan mesyuarat Jawatankuasa Utama tidak dapat diadakan, maka satu mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif bolehlah diadakan. (10) Keputusan Jawatankuasa Eksekutif bolehlah dianggap sebagai telah diterima setelah Setiausaha Agung atau wakilnya mengedarkan minit mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif kepada semua ahli Jawatankuasa Utama dan tidak lebih dari lima (5) orang ahli Jawatankuasa Utama yang tidak menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif membantah keputusan mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif tersebut dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh minit mesyuarat diedarkan. (11) Sebarang keputusan mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha Agung kepada Mesyuarat	pertalian korporat antara satu sama lain menduduki Jawatankuasa Utama; dan tidak lebih dari dua orang Francaisi dari francais atau francais-francais milik kepunyaan syarikat yang mempunyai pertalian korporat antara satu sama lain boleh menduduki Jawatankuasa Utama. (7) Peranan Jawatankuasa Utama ialah bagi menetapkan dasar-dasar Pertubuhan. Jawatankuasa Utama seharusnya tidaklah boleh membuat tindakan bertentangan dengan keputusan Mesyuarat Agung dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya dan Jawatankuasa Utama mestilah sentiasa taat kepada Mesyuarat Agung Tahunan. Jawatankuasa Utama hendaklah memberi laporan berkenaan kegiatannya dalam tahun yang lalu kepada tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan. (8) Jawatankuasa Utama hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali di dalam tiga (3) bulan. Pengumuman bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli-ahli (14) hari terlebih dahulu. Pengerusi dengan bersendirian atau tidak kurang daripada empat (4) orang ahli Jawatankuasa Utama boleh memanggil supaya diadakan mesyuarat Jawatankuasa Utama pada bila-bila masa. Sekurang-kurangnya setengah daripada bilangan ahli Jawatankuasa Utama hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupi korum mesyuarat. (9) Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Jawatankuasa Utama dan mesyuarat Jawatankuasa Utama tidak dapat diadakan, maka satu mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif bolehlah diadakan. (10) Keputusan Jawatankuasa Eksekutif bolehlah dianggap sebagai telah diterima setelah Setiausaha Agung atau wakilnya mengedarkan minit mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif kepada semua ahli Jawatankuasa Utama dan tidak lebih dari lima (5) orang ahli Jawatankuasa Utama yang tidak menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif membantah keputusan mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif tersebut dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh minit mesyuarat diedarkan. (11) Sebarang keputusan mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha Agung kepada Mesyuarat
--	---

Jawatankuasa Utama kemudiannya untuk disahkan dan dicatatkan di dalam minit mesyuarat. (12) Ahli Jawatankuasa Utama yang mungkir menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Utama dua (2) kali berturut-turut tanpa alasan munasabah akan disifatkan sebagai telah meletakkan jawatan di dalam Jawatankuasa Utama (13) Jika seseorang ahli Jawatankuasa Utama meninggal dunia atau meletakkan jawatan, ahli-ahli Jawatankuasa Utama yang lain bolehlah dilantik untuk memenuhi kekosongan itu sehingga Mesyuarat Agung Tahunan diadakan	Jawatankuasa Utama kemudiannya untuk disahkan dan dicatatkan di dalam minit mesyuarat. (12) Ahli Jawatankuasa Utama yang mungkir menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Utama dua (2) kali berturut-turut tanpa alasan munasabah akan disifatkan sebagai telah meletakkan jawatan di dalam Jawatankuasa Utama. Penamatan ahli Jawatankuasa Utama mengikut klausa ini hendaklah disahkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Utama. (13) Jika seseorang ahli Jawatankuasa Utama meninggal dunia atau meletakkan jawatan atau mengalami kelainan upaya atau diberhentikan dari organisasi yang ahli tersebut mewakili, maka Jawatankuasa Utama berkuasa untuk melantik dalam kalangan ahli Jawatankuasa Utama sedia ada bagi memenuhi kekosongan jawatan tersebut sehingga Mesyuarat Agung Tahunan seterusnya. Mesyuarat Agung seterusnya berkuasa memilih ahli Jawatankuasa Utama bagi mengisi kekosongan jawatan tersebut (jika ada).
---	--

ASAL	PINDAAN
10. KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI (1) Pengerusi Pertubuhan, dalam masa menyandang jawatannya, hendaklah menjadi pengerusi semua Mesyuarat Agung dan semua mesyuarat Jawatankuasa Utama dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Ia mempunyai undi pemutus dan hendaklah ia menandatangani minit mesyuarat bila telah diluluskan. Mana-mana dua orang di antara ia, Setiausaha Agung dan Bendahari Agung hendaklah menandatangani semua cek Pertubuhan. (2) Naib Pengerusi hendaklah memangku jawatan Pengerusi semasa ketiadaannya. (3) Setiausaha Agung hendaklah menjalankan kerja pentadbiran Pertubuhan mengikut undang-undang dan hendaklah ia menjalankan perintah Mesyuarat Agung dan Jawatankuasa Utama.	10. KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI (1) Pengerusi Pertubuhan, dalam masa menyandang jawatannya, hendaklah menjadi pengerusi semua Mesyuarat Agung dan semua mesyuarat Jawatankuasa Utama dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Ia mempunyai undi pemutus dan hendaklah ia menandatangani minit mesyuarat bila telah diluluskan. Mana-mana dua orang di antara ia, Setiausaha Agung dan Bendahari Agung hendaklah menandatangani semua cek Pertubuhan. (2) Naib Pengerusi hendaklah memangku jawatan Pengerusi semasa ketiadaannya. (3) Setiausaha Agung hendaklah menjalankan kerja pentadbiran Pertubuhan mengikut undang-undang dan hendaklah ia menjalankan perintah Mesyuarat Agung dan Jawatankuasa Utama.

la bertanggungjawab mengurus hal-hal surat-menyurat dan menyimpan semua buku, surat dan kertas kecuali kira-kira dan buku-buku kewangan. Setiausaha Agung hendaklah menyimpan rekod daftar ahli yang mengandungi butir-butir nama, tempat dan tarikh lahir, nombor kad pengenalan, pekerjaan, nama dan alamat majikan dan alamat pekerjaan tiap-tiap ahli. Ia hendaklah hadir di dalam semua mesyuarat dan membuat catatan minit. Mana-mana dua orang di antara ia, Pengerusi dan Bendahari Agung hendaklah menandatangani semua cek Pertubuhan. Setiausaha Agung hendaklah dalam masa enam puluh hari (60) hari dari tarikh Mesyuarat Agung Tahunan diadakan mengirim penyata tahunan Pertubuhan kepada Pendaftar Pertubuhan sebagaimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 14 (1) Akta Pertubuhan, 1966. (4) Penolong-penolong Setiausaha hendaklah membantu Setiausaha Agung menjalankan kerja-kerjanya dan, dengan budibicara Setiausaha Agung, memangku jawatan itu semasa ketiadaan Setiausaha Agung. (5) Bendahari Agung adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan Pertubuhan. Ia hendaklah membuat dan menyimpan kira-kira berkenaan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab ke atas kebetulannya. Ia adalah bertanggungjawab supaya tidak ada mana-mana ahli tertangguh yuran dan bayaran kepada Pertubuhan melebihi satu tempoh yang telah ditetapkan dalam undang-undang tubuh ini. Mana-mana dua orang, termasuk ia, Pengerusi dan Setiausaha Agung, hendaklah menandatangani semua cek Pertubuhan. (6) Penolong Bendahari hendaklah membantu Bendahari Agung menjalankan kerja-kerja dan memangku jawatan itu semasa ketiadaan Bendahari Agung. (7) Ahli Jawatankuasa Biasa hendaklah membantu Jawatankuasa Utama menjalankan tugas yang diarahkan olehnya. Mereka bolehlah mempengerusi atau menjadi ahli Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil.	la bertanggungjawab mengurus hal-hal surat-menyurat dan menyimpan semua buku, surat dan kertas kecuali kira-kira dan buku-buku kewangan. Setiausaha Agung hendaklah menyimpan rekod daftar ahli yang mengandungi butir-butir nama, tempat dan tarikh lahir, nombor kad pengenalan, pekerjaan, nama dan alamat majikan dan alamat pekerjaan tiap-tiap ahli. Ia hendaklah hadir di dalam semua mesyuarat dan membuat catatan minit. Mana-mana dua orang di antara ia, Pengerusi dan Bendahari Agung hendaklah menandatangani semua cek Pertubuhan. Setiausaha Agung hendaklah dalam masa enam puluh hari (60) hari dari tarikh Mesyuarat Agung Tahunan diadakan mengirim penyata tahunan Pertubuhan kepada Pendaftar Pertubuhan sebagaimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 14 (1) Akta Pertubuhan, 1966. (4) Penolong-penolong Setiausaha hendaklah membantu Setiausaha Agung menjalankan kerja-kerjanya dan, dengan budibicara Setiausaha Agung, memangku jawatan itu semasa ketiadaan Setiausaha Agung. (5) Bendahari Agung adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan Pertubuhan. Ia hendaklah membuat dan menyimpan kira-kira berkenaan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab ke atas kebetulannya. Ia adalah bertanggungjawab supaya tidak ada mana-mana ahli tertangguh yuran dan bayaran kepada Pertubuhan melebihi satu tempoh yang telah ditetapkan dalam undang-undang tubuh ini. Mana-mana dua orang, termasuk ia, Pengerusi dan Setiausaha Agung, hendaklah menandatangani semua cek Pertubuhan. (6) Penolong Bendahari hendaklah membantu Bendahari Agung menjalankan kerja-kerja dan memangku jawatan itu semasa ketiadaan Bendahari Agung. (7) Ahli Jawatankuasa Biasa hendaklah membantu Jawatankuasa Utama menjalankan tugas yang diarahkan olehnya. Mereka bolehlah mempengerusi atau menjadi ahli Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil.
---	---

ASAL	PINDAAN
11. JAWATANKUASA EKSEKUTIF (1) Tugas Jawatankuasa Eksekutif ialah mengelola dan mengaturkan aktiviti-aktiviti Pertubuhan dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan Pertubuhan dengan tidak terkeluar daripada dasar umum yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Utama. Jawatankuasa Eksekutif tidaklah boleh membuat tindakan yang bertentangan dengan keputusan Jawatankuasa Utama dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya dan Jawatankuasa Eksekutif mestilah sentiasa taat kepada Jawatankuasa Utama dan semua keputusan yang dibuat oleh Mesyuarat Agung. (2) Jawatankuasa Eksekutif, selain daripada tanggungjawab yang diperuntukkan pada Fasal 9(9), bertanggungjawab menjalankan apa-apa projek ekonomi Pertubuhan, termasuk melaksanakan projek-projek bagi mengukuhkan kedudukan kewangan Pertubuhan, selagi ianya tidak bercanggah dengan dasar yang ditetapkan oleh Mesyuarat Agung dan mendapat mandat daripada Jawatankuasa Utama. (3) Jawatankuasa Eksekutif adalah terdiri daripada lima (5) orang ahli iaitu Pengerusi, mana-mana seorang Naib Pengerusi yang dipilih oleh Jawatankuasa Utama, Setiausaha Agung, Bendahari Agung dan mana-mana seorang Ahli Jawatankuasa Biasa yang dipilih oleh Jawatankuasa Utama. Setiausaha Jawatankuasa Eksekutif adalah Ketua Eksekutif Pertubuhan. (4) Ketua Eksekutif hendaklah mengeluarkan notis memanggil mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif kepada ahli-ahlinya dalam masa tidak kurang daripada tujuh (7) hari, dan tiga (3) ahli yang hadir adalah cukup untuk maksud korum yang mengesahkan perjalanan mesyuarat. (5) Jawatankuasa Eksekutif boleh memberi arahan kepada Ketua Eksekutif dan pegawai-pegawai lain untuk menjalankan urusan Pertubuhan dan boleh menurunkan kuasa kepada Ketua Eksekutif untuk melantik pengurus dan kakitangan yang difikirkan mustahak.	11. JAWATANKUASA EKSEKUTIF (1) Tugas Jawatankuasa Eksekutif ialah mengelola dan mengaturkan aktiviti-aktiviti Pertubuhan dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan Pertubuhan dengan tidak terkeluar daripada dasar umum yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Utama. Jawatankuasa Eksekutif tidaklah boleh membuat tindakan yang bertentangan dengan keputusan Jawatankuasa Utama dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya dan Jawatankuasa Eksekutif mestilah sentiasa taat kepada Jawatankuasa Utama dan semua keputusan yang dibuat oleh Mesyuarat Agung. (2) Jawatankuasa Eksekutif bertanggungjawab menjalankan apa-apa projek ekonomi Pertubuhan, termasuk melaksanakan projek-projek bagi mengukuhkan kedudukan kewangan Pertubuhan, selagi ianya tidak bercanggah dengan dasar yang ditetapkan oleh Mesyuarat Agung dan mendapat mandat daripada Jawatankuasa Utama. (3) Jawatankuasa Eksekutif adalah terdiri daripada lima (5) orang ahli iaitu Pengerusi, mana-mana seorang Naib Pengerusi yang dipilih oleh Jawatankuasa Utama, Setiausaha Agung, Bendahari Agung dan mana-mana seorang Ahli Jawatankuasa Biasa yang dipilih oleh Jawatankuasa Utama. Setiausaha Jawatankuasa Eksekutif adalah Ketua Eksekutif Pertubuhan. (4) Ketua Eksekutif hendaklah mengeluarkan notis memanggil mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif kepada ahli-ahlinya dalam masa tidak kurang daripada tujuh (7) hari, dan tiga (3) ahli yang hadir adalah cukup untuk maksud korum yang mengesahkan perjalanan mesyuarat. (5) Jawatankuasa Eksekutif boleh memberi arahan kepada Ketua Eksekutif dan pegawai-pegawai lain untuk menjalankan urusan Pertubuhan dan boleh menurunkan kuasa kepada Ketua Eksekutif untuk melantik pengurus dan kakitangan yang difikirkan mustahak. Jawatankuasa Eksekutif boleh menggantung dan melucutkan jawatan Ketua Eksekutif atau sebarang pengurus dan kakitangan

Jawatankuasa Eksekutif boleh menggantung dan melucutkan jawatan Ketua Eksekutif atau sebarang pengurus dan kakitangan yang cuai di dalam pekerjaan, curang, tidak cekap, engkar menjalankan keputusan Jawatankuasa Eksekutif, atau kerana sebab-sebab yang difikir boleh merosakkan kepentingan Pertubuhan.	yang cuai di dalam pekerjaan, curang, tidak cekap, engkar menjalankan keputusan Jawatankuasa Eksekutif, atau kerana sebab-sebab yang difikir boleh merosakkan kepentingan Pertubuhan. Sebarang keputusan dalam klausa ini hendaklah dibentangkan dalam Jawatankuasa Utama.
---	--

ASAL	PINDAAN
12. JAWATANKUASA KECIL (1) Bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti Pertubuhan yang lain, beberapa jawatankuasa bolehlah ditubuhkan iaitu seperti berikut: (a) Jawatankuasa Kecil Pendaftaran dan Etika (b) Jawatankuasa Kecil Pendidikan dan Penyelidikan (c) Jawatankuasa Kecil Promosi dan Perhubungan Awam (d) Jawatankuasa Kecil Rundingcara dan Kebajikan (e) Jawatankuasa Kecil Perhubungan Kebangsaan dan Antarabangsa (f) Jawatankuasa-jawatankuasa yang lain yang difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa Utama. (2) Jawatankuasa Kecil Pendaftaran dan Etika adalah bertanggungjawab menentukan kedudukan sesuatu permohonan untuk menjadi ahli; memperakukan permohonan tersebut kepada Jawatankuasa Utama; bertanggungjawab ke atas mekanisme pengawasan etika ahli-ahli menggunakan Kaedah-Kaedah Pengawasan Etika secara dalaman (<i>self-regulatory</i>) yang diperuntukkan di dalam Undang-undang Tubuh ini. (3) Jawatankuasa Kecil Pendidikan dan Penyelidikan adalah bertanggungjawab merancang dan melaksanakan projek-projek latihan dan pendidikan kepada ahli-ahli dan menyelenggarakan pusat maklumat mengenai Industri Francais untuk faedah ahli-ahli.	12. JAWATANKUASA KECIL (1) Bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti Pertubuhan yang lain, beberapa jawatankuasa bolehlah ditubuhkan iaitu seperti berikut: (a) Jawatankuasa Kecil Pendaftaran dan Etika. (b) Jawatankuasa Kecil Pendidikan dan Penyelidikan. (c) Jawatankuasa Kecil Promosi dan Perhubungan Awam. (d) Jawatankuasa Kecil Rundingcara dan Kebajikan. (e) Jawatankuasa Kecil Perhubungan Kebangsaan dan Antarabangsa. (f) Jawatankuasa Kecil Pembangunan Perniagaan. (g) Jawatankuasa Kecil Pentadbiran. (h) Jawatankuasa Kecil Kewangan. (i) Jawatankuasa-jawatankuasa yang lain yang difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa Utama. (2) Jawatankuasa Kecil Pendaftaran dan Etika adalah bertanggungjawab menentukan kedudukan sesuatu permohonan untuk menjadi ahli; memperakukan permohonan tersebut kepada Jawatankuasa Utama; bertanggungjawab ke atas mekanisme pengawasan etika ahli-ahli menggunakan Kaedah-Kaedah Pengawasan Etika secara dalaman (<i>self-regulatory</i>) yang diperuntukkan di dalam Undang-undang Tubuh ini.

(4) Jawatankuasa Kecil Promosi dan Perhubungan Awam adalah bertanggungjawab memupuk imej yang sempurna bagi aktiviti-aktiviti perniagaan ahli dan berhubung dengan pihak media massa untuk memberi maklumat yang tepat serta menjalankan aktiviti-aktiviti promosi bertujuan memperkenalkan atau memperkukuhkan francais sebagai satu bentuk perniagaan yang berkualiti dan berdaya maju. (5) Jawatankuasa Kecil Rundingcara dan Kebajikan adalah bertanggungjawab memberi khidmat kaunseling, menjaga kebajikan ahli serta mengambil tindakan menjalankan timbangtara dalam sesuatu perbalahan sesama ahli. (6) Jawatankuasa Kecil Perhubungan Kebangsaan dan Antarabangsa adalah bertanggungjawab menjalin dan memupuk hubungan yang erat dengan pihak-pihak berkuasa Kerajaan dan dengan semua pihak di dalam dan luar negeri yang berkepentingan dengan tujuan-tujuan dan maksud-maksud Pertubuhan. (7) Jawatankuasa Utama boleh menubuhkan atau mengurangkan apa-apa Jawatankuasa Kecil yang lain dan menetapkan tanggungjawabnya.	(3) Jawatankuasa Kecil Pendidikan dan Penyelidikan adalah bertanggungjawab merancang dan melaksanakan projek latihan dan pembangunan, pendidikan, penyelidikan dan pembangunan (R&D) kepada ahli-ahli, industri dan masyarakat. (4) Jawatankuasa Kecil Promosi dan Perhubungan Awam adalah bertanggungjawab untuk membangun dan memupuk imej yang baik bagi industri francais, aktiviti ahli, berhubung dengan pihak media untuk memberi maklumat yang tepat serta menjalankan aktiviti promosi yang bertujuan memperkenalkan atau memperkukuhkan francais sebagai satu bentuk perniagaan dan industri yang berdaya saing. (5) Jawatankuasa Kecil Rundingcara dan Kebajikan adalah bertanggungjawab memberi khidmat nasihat, khidmat kaunseling, menjaga kebajikan ahli, menjalankan timbangtara dan mencari penyelesaian dalam sesuatu pertikaian sesama ahli. (6) Jawatankuasa Kecil Perhubungan Kebangsaan dan Antarabangsa adalah bertanggungjawab menjalin dan memupuk hubungan yang erat dengan pihak Kerajaan, agensi kerajaan dan dengan semua pihak berkepentingan di dalam dan di luar negara yang selari dengan tujuan dan maksud Pertubuhan. (7) Jawatankuasa Kecil Pembangunan Perniagaan adalah bertanggungjawab menangani dan memantau isu-isu semasa ahli di dalam aspek pembangunan perniagaan francais dan industri secara khusus seperti kewangan, premis, keusahawanan dan pembangunan produk melalui intergrasi setiap ahli agensi kerajaan, korporat dan usahawan di samping mewujudkan peluang-peluang perniagaan melalui aktiviti yang dilaksanakan bertujuan bagi mengukuhkan dana MFA. (8) Jawatankuasa Kecil Pentadbiran adalah bertanggungjawab dalam memastikan MFA ditadbir berdasarkan kepada pematuhan Undang-Undang Tubuh MFA dan Akta Persatuan 1966. Selain itu, JK juga berperanan untuk memantau dan memastikan aktiviti MFA dilaksanakan selaras dengan hala tuju MFA dan Industri Francais. Juga berperanan untuk memantau dan memastikan aktiviti pentadbiran MFA dilaksanakan dengan cekap, amanah dan berkesan.
---	---

	(9) Jawatankuasa Kecil Kewangan adalah bertanggungjawab memastikan pengurusan kewangan MFA berjalan secara telus dan teratur, termasuk menyediakan dan menyemak bajet tahunan, memantau aliran tunai serta menilai keberkesanan perbelanjaan. Ia juga berperanan mencadangkan strategi penjana pendapatan dan pelaburan yang sesuai, mengurus dana untuk program francais, serta membantu dalam penyediaan laporan kewangan tahunan. (10) Jawatankuasa Utama boleh menubuhkan atau mengurangkan apa-apa Jawatankuasa Kecil atau Jawatankuasa Adhoc yang lain dan menetapkan bidang tugas dan tanggungjawabnya.
--	--

ASAL	PINDAAN
13. KETUA EKSEKUTIF (1) Mesyuarat Agung atau Jawatankuasa Utama bolehlah melantik seorang Ketua Eksekutif Pertubuhan untuk mengelola dan menguruskan aktiviti-aktiviti harian Pertubuhan. Ketua Eksekutif ini bolehlah terdiri dari Setiausaha Agung atau mana-mana ahli Jawatankuasa Utama ataupun kakitangan Pertubuhan. (2) Ketua Eksekutif Pertubuhan adalah juga bertanggungjawab merancang dan melaksanakan projek-projek ekonomi yang diputuskan oleh Jawatankuasa Eksekutif dan menjalankan apa-apa aktiviti umum Pertubuhan yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Utama. (3) Dalam apa-apa keadaan jua, Ketua Eksekutif Pertubuhan hendaklah mematuhi dasar-dasar yang ditetapkan oleh Mesyuarat Agung, Jawatankuasa Utama dan Jawatankuasa Eksekutif.	13. KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (1) Jawatankuasa Utama bertanggungjawab melantik seorang Ketua Pegawai Eksekutif Pertubuhan untuk membangun, mengelola dan menguruskan dasar, program dan aktiviti Pertubuhan. Ketua Pegawai Eksekutif ini tidak boleh dilantik dalam kalangan ahli Jawatankuasa Utama. (2) Ketua Pegawai Eksekutif Pertubuhan adalah juga bertanggungjawab merancang dan melaksanakan projek-projek ekonomi yang diputuskan oleh Jawatankuasa Eksekutif dan menjalankan apa-apa aktiviti umum Pertubuhan yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Utama. (3) Dalam apa-apa keadaan jua, Ketua Pegawai Eksekutif Pertubuhan hendaklah mematuhi dasar dan keputusan yang ditetapkan oleh Mesyuarat Agung, Jawatankuasa Utama dan Jawatankuasa Eksekutif.

ASAL	PINDAAN
14. KEWANGAN (1) Sumber kewangan Pertubuhan adalah daripada sumber-sumber berikut:- i. Bayaran dan apa-apa kutipan daripada ahli; ii. Hasil kutipan dari sebarang kegiatan yang dijalankan oleh Pertubuhan; dan iii. Sumbangan yang diterima daripada kerajaan dan lain-lain pihak awam dan swasta. (2) Disyaratkan bahawa peruntukan-peruntukan yang berikut bagi Undang-undang Tubuh ini, wang Pertubuhan boleh digunakan untuk perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan Pertubuhan, termasuklah belanja pentadbiran, bayaran gaji dan elaun, biayaan dan perbelanjaan pegawai-pegawai dan kakitangan yang bergaji, dan upah Juruaudit dan upah memeriksa kira-kira, tetapi walau bagaimanapun tidak boleh digunakan untuk membayar denda ahli yang telah dijatuhkan hukuman di Mahkamah. (3) Bendahari Agung dibolehkan menyimpan wang runcit tidak lebih daripada Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000.00) sahaja pada sesuatu masa. Wang yang lebih daripada jumlah itu mestilah dimasukkan ke dalam bank yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Utama. Kira-kira bank itu hendaklah atas nama Pertubuhan. (4) Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang dari kira-kira Pertubuhan hendaklah ditandatangani oleh mana-mana dua orang di antara Pengerusi, Setiausaha Agung dan Bendahari Agung. Semasa ketiadaan mana-mana pegawai utama itu maka bolehlah Jawatankuasa Utama melantik sesiapa di antara mereka sebagai pengganti untuk menandatangani cek-cek atau kenyataan pengeluaran wang Pertubuhan. (5) Perbelanjaan yang lebih daripada Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000.00) sahaja bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Utama, dan perbelanjaan yang lebih daripada Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu (RM500,000.00) bagi sesuatu masa tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran Mesyuarat Agung terlebih dahulu.	14. KEWANGAN (1) Sumber kewangan Pertubuhan adalah daripada sumber-sumber berikut:- i. Bayaran dan apa-apa kutipan daripada ahli; ii. Hasil kutipan dan lebihan pendapatan dari sebarang kegiatan yang dijalankan oleh Pertubuhan; dan iii. Peruntukan dan Sumbangan yang diterima daripada kerajaan dan lain-lain pihak awam dan swasta. (2) Disyaratkan bahawa sumber kewangan dalam fasal 14(1) bagi Undang-undang Tubuh ini, boleh digunakan untuk perkara yang bermanfaat bagi menjalankan tujuan Pertubuhan, termasuklah belanja pentadbiran, belanja mesyuarat, bayaran gaji dan elaun, pembiayaan dan perbelanjaan pegawai dan kakitangan yang bergaji, upah Juruaudit dan upah memeriksa laporan kewangan. Walau bagaimanapun sumber kewangan tidak boleh digunakan untuk membayar sebarang perbelanjaan yang tidak berkaitan dengan Pertubuhan. (3) Bendahari Agung dibolehkan menyimpan wang runcit tidak lebih daripada Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000.00) sahaja pada sesuatu masa. Wang yang lebih daripada jumlah itu mestilah dimasukkan ke dalam bank yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Utama. Kira-kira bank itu hendaklah atas nama Pertubuhan. (4) Segala pengeluaran wang dari akaun Pertubuhan hendaklah diluluskan oleh mana-mana dua orang di antara Pengerusi, Setiausaha Agung dan Bendahari Agung. Semasa ketiadaan mana-mana pegawai utama itu maka dibolehkan Jawatankuasa Utama melantik sesiapa di antara mereka sebagai pengganti untuk meluluskan pengeluaran wang Pertubuhan. (5) Perbelanjaan berdasarkan jumlah bayaran semasa yang kurang daripada Ringgit Malaysia Tiga Ratus Ribu Sahaja (RM300,000.00) bagi sesuatu masa hendaklah dibayar dan diluluskan oleh mana-mana dua orang penjawat jawatan Pengerusi, Setiausaha Agung dan Bendahari Agung. Perbelanjaan antara lebih daripada Ringgit

Perbelanjaan yang kurang daripada Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu Sahaja (RM50,000.00) bagi sesuatu masa bolehlah diluluskan oleh mana-mana dua orang penjawat jawatan Pengerusi, Setiausaha Agung dan Bendahari Agung. (6) Mesyuarat Agung boleh meluluskan satu belanjawan yang khusus kepada Jawatankuasa Eksekutif untuk melaksanakan projek-projek ekonomi Pertubuhan. Jawatankuasa Eksekutif boleh seterusnya memberi kuasa kepada Ketua Eksekutif untuk menguruskan semua hal kewangan bagi belanjawan yang khusus itu, tanpa tertakluk kepada had jumlah wang seperti yang diperuntukkan pada Fasal 14 (5) di atas. (7) Penyata darihal wang yang diterima dan dibelanjakan berserta timbangan kira-kira bagi setahun hendaklah disertakan oleh Bendahari Agung dan diperiksa oleh Juruaudit Dalaman yang dilantik oleh Mesyuarat Agung dengan seberapa segeranya setelah tamat tahun kewangan. Penyata kira-kira yang telah diaudit itu hendaklah dikemukakan untuk kelulusan Mesyuarat Agung Tahunan yang berikutnya dan salinannya hendaklah dibekalkan untuk makluman ahli di tempat urusan bagi Pertubuhan. (8) Tahun Kewangan Pertubuhan ini bermula dari 1 haribulan Januari dan berakhir pada 31 haribulan Disember tiap-tiap tahun.	Malaysia Tiga Ratus Ribu (RM300,000.00) dan Ringgit Malaysia Tiga Juta (RM3,000,000.00) sahaja hendaklah diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Utama, dan perbelanjaan yang lebih daripada Ringgit Malaysia Tiga Juta (RM3,000,000.00) bagi sesuatu masa hendaklah mendapat kelulusan Mesyuarat Agung Tahunan terlebih dahulu. (6) Jawatankuasa Utama boleh meluluskan satu belanjawan yang khusus kepada Jawatankuasa Eksekutif untuk melaksanakan projek-projek ekonomi Pertubuhan. Jawatankuasa Eksekutif boleh seterusnya memberi kuasa kepada Ketua Pegawai Eksekutif untuk menguruskan semua hal kewangan bagi belanjawan yang khusus itu, tertakluk kepada had jumlah wang seperti yang diperuntukkan pada Fasal 14 (5) di atas. (7) Penyata kewangan Pertubuhan bagi satu tahun kewangan hendaklah disediakan oleh Bendahari Agung dan diperiksa oleh Juruaudit Dalaman yang dilantik oleh Mesyuarat Agung Tahunan dan disahkan oleh Juruaudit Luaran yang dilantik oleh Pertubuhan dengan seberapa segera. Penyata kewangan yang telah diaudit dan "disahkan" hendaklah "ditandatangani oleh wakil Pertubuhan, Juruaudit Luaran serta Pesuruhjaya Sumpah sebelum diedarkan kepada semua ahli Pertubuhan sebelum Mesyuarat Agung Tahunan. Penyata kewangan yang telah diaudit itu hendaklah dikemukakan untuk kelulusan Mesyuarat Agung Tahunan yang berikutnya dan salinannya hendaklah disimpan untuk makluman ahli di tempat urusan bagi Pertubuhan. (8) Tahun Kewangan Pertubuhan ini bermula dari 1 haribulan Januari dan berakhir pada 31 haribulan Disember tiap-tiap tahun.
---	--

ASAL	PINDAAN
15. JURUAUDIT DALAMAN (1) Dua orang yang bukannya pegawai Pertubuhan boleh dilantik oleh Mesyuarat Agung Tahunan sebagai Juruaudit Dalaman. Mereka boleh dilantik semula dengan tempoh perantukan tidak melebihi 6 tahun berturut-turut.	15. JURUAUDIT DALAMAN (1) Dua orang dalam kalangan ahli Pertubuhan dan bukannya pegawai Pertubuhan hendaklah dilantik oleh Mesyuarat Agung Tahunan sebagai Juruaudit Dalaman. Mereka boleh dilantik semula dengan tempoh perantukan tidak melebihi 9 tahun berturut-turut.

(2) Mesyuarat Agung boleh juga melantik Juruaudit bertauliah untuk membantu Juruaudit Dalamannya sekiranya difikirkan perlu. Mereka boleh dilantik semula. (3) Juruaudit Dalamannya adalah dikehendaki memeriksa kira-kira Pertubuhan bagi setahun dan membuat laporan atau pengesahan untuk Mesyuarat Agung tahunan. Mereka harus juga dikehendaki pada bila-bila masa oleh pengerusi Pertubuhan mengaudit kira-kira pertubuhan bagi mana-mana masa di dalam tempoh jawatan mereka dan membuat laporan kepada Jawatankuasa Utama.	(2) Mesyuarat Agung boleh juga melantik Juruaudit bertauliah untuk membantu Juruaudit Dalamannya sekiranya difikirkan perlu. Mereka boleh dilantik semula tidak melebihi sembilan (9) tahun. (3) Juruaudit Dalamannya adalah dikehendaki memeriksa penyata kewangan dan perjalanan tadbir urus Pertubuhan bagi satu tahun kewangan dan membuat laporan atau pengesahan untuk Mesyuarat Agung tahunan. Mereka boleh dikehendaki pada bila-bila masa oleh pengerusi Pertubuhan atau Jawatankuasa Utama mengaudit penyata kewangan dan perjalanan tadbir urus pertubuhan bagi mana-mana tempoh jawatan mereka dan membuat laporan kepada Jawatankuasa Utama.
--	---

ASAL	PINDAAN
16. PENGAMANAH (1) Tiga orang Pengamanah yang berumur lebih daripada dua puluh satu (21) tahun hendaklah dilantik di dalam Mesyuarat Agung dan mereka akan berkhidmat selama yang dikehendaki oleh Pertubuhan. Kepada mereka akan diamanahkan semua harta tetap kepunyaan Pertubuhan dengan menandatangani suatu Surat Amanah (Deed of Trust). (2) Pengamanah tidak boleh menjual, menarik balik atau menukarkan milik harta kepunyaan Pertubuhan dengan tidak mendapat persetujuan dan kuasa yang diberikan oleh mesyuarat Agung. (3) Seorang Pengamanah boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh Mesyuarat Agung oleh sebab uzur kerana penyakit, tidak siaman, tidak berada di dalam negeri atau kerana sebab lain yang menyebabkan ia tidak boleh menjalankan tugasnya atau pekerjaannya dengan memuaskan. Jika berlaku kematian, maka kekosongan itu bolehlah dipenuhi oleh pengamanah yang baru dilantik di dalam Mesyuarat Agung.	16. PENGAMANAH (1) Tiga orang Pengamanah yang berumur lebih daripada dua puluh satu (21) tahun boleh dilantik dalam kalangan ahli Pertubuhan melalui Mesyuarat Agung dan mereka akan berkhidmat dalam tempoh yang ditetapkan oleh Mesyuarat Agung. Kepada mereka akan diamanahkan semua harta tetap kepunyaan Pertubuhan dengan menandatangani suatu Surat Amanah (Deed of Trust). (2) Pengamanah tidak boleh menjual, menarik balik atau menukarkan hak milik harta kepunyaan Pertubuhan dengan tidak mendapat persetujuan dan kuasa yang diberikan oleh Mesyuarat Agung. (3) Seorang Pengamanah boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh Mesyuarat Agung oleh sebab uzur kerana penyakit, tidak siaman, tidak berada di dalam negeri atau kerana sebab lain yang menyebabkan ia tidak boleh menjalankan tugasnya atau pekerjaannya dengan memuaskan. Jika berlaku kematian, maka kekosongan itu bolehlah dipenuhi oleh pengamanah yang baru dilantik di dalam Mesyuarat Agung.

ASAL	PINDAAN
17. TAFSIRAN UNDANG-UNDANG (1) Di antara Mesyuarat-mesyuarat Agung Tahunan, Jawatankuasa Utama boleh memberi tafsirannya kepada undang-undang ini dan Jawatankuasa Utama jika mustahak boleh memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam undang-undang ini. (2) Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat dalam Mesyuarat Agung, keputusan Jawatankuasa Utama terhadap ahli-ahli adalah muktamad jika tidak diubah oleh keputusan Mesyuarat Agung.	17. TAFSIRAN UNDANG-UNDANG (1) Di antara satu mesyuarat agung dan satu mesyuarat Agung Tahunan seterusnya, Jawatankuasa Utama berhak memberi tafsirannya kepada undang-undang ini dan Jawatankuasa Utama berhak memutuskan perkara yang tidak terkandung di dalam undang-undang ini. (2) Kecuali perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar atau keputusan yang telah dibuat dalam Mesyuarat Agung, keputusan Jawatankuasa Utama terhadap ahli-ahli adalah muktamad jika tidak diubah oleh keputusan Mesyuarat Agung.

ASAL	PINDAAN
18. PENAUNG DAN PENASIHAT (1) Jawatankuasa Utama boleh, jika difikirkan perlu, melantik Ahli-Ahli Kehormat menjadi Penaung dan Penasihat bagi Pertubuhan ini. (2) Jawatankuasa Utama boleh, jika difikirkan perlu, melantik Ahli-Ahli Kehormat menjadi Penasihat bagi Pertubuhan ini. (3) Tempoh Jawatan Penaung dan Penasihat bolehlah dipegang bagi tempoh yang bersamaan dengan tempoh Jawatankuasa Utama yang melantiknya, dengan syarat orang yang dilantik itu menyatakan persetujuannya secara bertulis terlebih dahulu. (4) Penaung atau Penasihat tersebut mempunyai hak sebagaimana ahli kehormat dan tidak mempunyai kuasa membuat keputusan bagi pihak Pertubuhan.	18. PENAUNG DAN PENASIHAT (1) Jawatankuasa Utama boleh, jika difikirkan perlu, melantik Ahli-Ahli Kehormat menjadi Penaung dan Penasihat bagi Pertubuhan ini. (2) — Jawatankuasa Utama boleh, jika difikirkan perlu, melantik Ahli-Ahli Kehormat menjadi Penasihat bagi Pertubuhan ini. (3) Tempoh Jawatan Penaung dan Penasihat bolehlah dipegang bagi tempoh yang bersamaan dengan tempoh Jawatankuasa Utama yang melantiknya, dengan syarat orang yang dilantik itu menyatakan persetujuannya secara bertulis terlebih dahulu. (4) Penaung atau Penasihat tersebut mempunyai hak sebagaimana ahli kehormat dan tidak mempunyai kuasa membuat keputusan bagi pihak Pertubuhan.

ASAL	PINDAAN
19. KOD ETIKA (1) Fasal 3(3) di dalam undang-undang ini yang berkaitan dengan etika amalan perniagaan secara professional di kalangan ahli-ahli Pertubuhan membawa maksud bahawa ahli-ahli Pertubuhan tertakluk kepada kod etika berikut: i. Ahli-Ahli tidak dibenarkan menjual, menawarkan menjual, mengagih sebarang hasil atau keluaran, atau memberi perkhidmatan, atau menceburkan diri dalam promosi penjualan atau pengagihan di bawah sebarang terma atau representasi yang berkecenderungan menimbulkan kekeliruan atau memperdayakan pembeli-pembeli atau bakal-bakal bahawa tawaran itu adalah francais. ii. Ahli-Ahli tidak dibenarkan meniru cap perdagangan, nama perniagaan, identiti korporat, cogan kata atau sebarang tanda atau pengenalan kepunyaan francais atau yang lain dalam sebarang cara atau gaya yang berkecenderungan mengelirukan atau memperdayakan pembeli-pembeli dan bakal-bakal. iii. Setiap Francaisor memikul tanggungjawab membekalkan satu format bisnes yang lengkap dan terbukti boleh berdaya maju sekiranya francais mematuhi garis panduan di dalam format bisnes itu. iv. Setiap Francaisi memikul tanggungjawab melindungi semua kandungan format bisnes dan apa-apa rahsia perniagaan (trade secrets) milik Francaisor. v. Semua maklumat penting untuk perhubungan francais mesti dikemukakan dengan tepat dan sepenuhnya secara bertulis kepada bakal francais sebelum sebarang dokumen boleh mengikat kedua-dua pihak. vi. Setiap perjanjian francais mesti mengemukakan dengan jelas tanggungjawab dan obligasi pihak-pihak terlibat dan semua terma-terma lain mengenai perhubungan dan bebas dari keraguan atau kekeliruan.	19. KOD ETIKA (1) Fasal 3(3) di dalam undang-undang ini yang berkaitan dengan etika amalan perniagaan secara professional di kalangan ahli-ahli Pertubuhan membawa maksud bahawa ahli-ahli Pertubuhan tertakluk kepada kod etika berikut: i. Ahli-Ahli tidak dibenarkan menjual, menawarkan menjual, mengagih sebarang hasil atau keluaran, atau memberi perkhidmatan, atau menceburkan diri dalam promosi penjualan atau pengagihan di bawah sebarang terma atau representasi yang berkecenderungan menimbulkan kekeliruan atau memperdayakan pembeli-pembeli atau bakal-bakal bahawa tawaran itu adalah francais. ii. Ahli-Ahli tidak dibenarkan meniru cap perdagangan, nama perniagaan, identiti korporat, cogan kata atau sebarang tanda atau pengenalan kepunyaan francais atau yang lain dalam sebarang cara atau gaya yang berkecenderungan mengelirukan atau memperdayakan pembeli-pembeli dan bakal-bakal. iii. Setiap Francaisor memikul tanggungjawab membekalkan satu format bisnes yang lengkap dan terbukti boleh berdaya maju sekiranya francais mematuhi garis panduan di dalam format bisnes itu. iv. Setiap Francaisi memikul tanggungjawab melindungi semua kandungan format bisnes dan apa-apa rahsia perniagaan (trade secrets) milik Francaisor. v. Semua maklumat penting untuk perhubungan francais mesti dikemukakan dengan tepat dan sepenuhnya secara bertulis kepada bakal francais sebelum sebarang dokumen boleh mengikat kedua-dua pihak. vi. Setiap perjanjian francais mesti mengemukakan dengan jelas tanggungjawab dan obligasi pihak-pihak terlibat dan semua terma-terma lain mengenai perhubungan dan bebas dari keraguan atau kekeliruan.

vii. Setiap perjanjian francaisi dan semua perkara yang penting da asas kepada susunan dan perhubungan yang dihasilkan mestilah secara bertulis dan salinan-salinan yang dilaksanakan berikutnya diberi kepada francais. viii. Setiap francaisor mesti memilih dan menerima hanya francaisi yang telah diselidiki latarbelakangnya dengan munasabah, yang mempunyai kemahiran asas, berpelajaran, kualiti peribadi dan modal yang mencukupi untuk berjaya. Sebarang diskriminasi berdasarkan keturunan, warna, agama, kewarganegaraan ataupun seks tidak dibenarkan. ix. Setiap francaisor mesti membuat pengawasan yang munasabah mengenai berkenaan perjalanan perniagaan francaisi supaya obligasi-obligasi kontrak di antara kedua-dua pihak dipatuhi dan kepentingan awam dilindungi. x. Sifat keadilan mestilah diutamakan dalam semua urusan antara francaisor dan francaisi mengenai sebarang keingkaran kontrak dan memberi masa yang munasabah untuk membetulkan sebarang kemungkiran. xi. Setiap francaisor mesti berusaha dengan sesungguhnya untuk menyelesaikan aduan-aduan, ketidakpuasan atau bantahan dan perselisihan dengan francaisinya dengan ikhlas melalui komunikasi dan perundingan yang adil dan munasabah. xii. Setiap francaisi bertanggungjawab membayar bayaran-bayaran tertentu atau royalti atau memenuhi pembelian khusus daripada francaisor seperti yang ditetapkan dalam perjanjian francais, dan untuk Francaisor adalah memikul tanggungjawab memberi sokongan pengurusan yang padu kepada francaisi. xiii. Setiap ahli bertanggungjawab melindungi kepentingan masyarakat pengguna dan kepentingan Negara dan sama-sama memikul tanggungjawab mengekalkan imej yang tinggi bagi Industri Francais.	vii. Setiap perjanjian francaisi dan semua perkara yang penting da asas kepada susunan dan perhubungan yang dihasilkan mestilah secara bertulis dan salinan-salinan yang dilaksanakan berikutnya diberi kepada francais. viii. Setiap francaisor mesti memilih dan menerima hanya francaisi yang telah diselidiki latarbelakangnya dengan munasabah, yang mempunyai kemahiran asas, berpelajaran, kualiti peribadi dan modal yang mencukupi untuk berjaya. Sebarang diskriminasi berdasarkan keturunan, warna, agama, kewarganegaraan ataupun seks tidak dibenarkan. ix. Setiap francaisor mesti membuat pengawasan yang munasabah mengenai berkenaan perjalanan perniagaan francaisi supaya obligasi-obligasi kontrak di antara kedua-dua pihak dipatuhi dan kepentingan awam dilindungi. x. Sifat keadilan mestilah diutamakan dalam semua urusan antara francaisor dan francaisi mengenai sebarang keingkaran kontrak dan memberi masa yang munasabah untuk membetulkan sebarang kemungkiran. xi. Setiap francaisor mesti berusaha dengan sesungguhnya untuk menyelesaikan aduan-aduan, ketidakpuasan atau bantahan dan perselisihan dengan francaisinya dengan ikhlas melalui komunikasi dan perundingan yang adil dan munasabah. xii. Setiap francaisi bertanggungjawab membayar bayaran-bayaran tertentu atau royalti atau memenuhi pembelian khusus daripada francaisor seperti yang ditetapkan dalam perjanjian francais, dan untuk Francaisor adalah memikul tanggungjawab memberi sokongan pengurusan yang padu kepada francaisi. xiii. Setiap ahli bertanggungjawab melindungi kepentingan masyarakat pengguna dan kepentingan Negara dan sama-sama memikul tanggungjawab mengekalkan imej yang tinggi bagi Industri Francais.
--	--

xiv. Institusi sokongan memikul tanggungjawab untuk menyokong secara efektif dalam memudahkan amalan perniagaan setiap Francaisor dan Francaisi, memikul tanggungjawab menyediakan khidmat nasihat dan rujukan yang muthakhir, memikul tanggungjawab memberi khidmat bimbingan yang saksama, mesra dan jujur, memikul tanggungjawab membantu francaisor dan francaisi secara menyeluruh supaya semua ahli “keluarga” francais lebih berdayamaju, berdikari, berdayasaing dan berdayatahan, dan memikul tanggungjawab bertindak selaku “rakan niaga” yang bertimbangrasa dan mengamalkan konsep saling beruntung (win-win). xv. Setiap ahli memikul tanggungjawab membantu satu sama lain dan tidak bersaing dengan cara yang negatif. xvi. Setiap ahli memikul tanggungjawab mematuhi semua undang-undang dan peraturan Negara. (2) Kaedah berkaitan dengan tindakan ke atas sebarang rayuan tidakpuashati oleh mana-mana ahli atau pihak-pihak yang berkepentingan dengan cita-cita Pertubuhan, kemudiannya dikenali sebagai Kaedah-Kaedah Jawatankuasa Kecil Pendaftaran dan Etika, terdapat pada Apendiks, dan Apendiks tersebut adalah sebahagian daripada undang-undang ini.	xiv. Institusi sokongan memikul tanggungjawab untuk menyokong secara efektif dalam memudahkan amalan perniagaan setiap Francaisor dan Francaisi, memikul tanggungjawab menyediakan khidmat nasihat dan rujukan yang muthakhir, memikul tanggungjawab memberi khidmat bimbingan yang saksama, mesra dan jujur, memikul tanggungjawab membantu francaisor dan francaisi secara menyeluruh supaya semua ahli “keluarga” francais lebih berdayamaju, berdikari, berdayasaing dan berdayatahan, dan memikul tanggungjawab bertindak selaku “rakan niaga” yang bertimbangrasa dan mengamalkan konsep saling beruntung (win-win). xv. Setiap ahli memikul tanggungjawab membantu satu sama lain dan tidak bersaing dengan cara yang negatif. xvi. Setiap ahli memikul tanggungjawab mematuhi semua undang-undang dan peraturan Negara. (2) Kaedah berkaitan dengan tindakan ke atas sebarang rayuan tidakpuashati oleh mana-mana ahli atau pihak-pihak yang berkepentingan dengan cita-cita Pertubuhan, kemudiannya dikenali sebagai Kaedah-Kaedah Jawatankuasa Kecil Pendaftaran dan Etika, terdapat pada Apendiks, dan Apendiks tersebut adalah sebahagian daripada undang-undang ini.
---	---

ASAL	PINDAAN
20. LARANGAN (1) Permainan yang disebutkan berikut ini tidak boleh dimainkan di dalam rumah Pertubuhan: Roulette, Lotto, Fan Tan, Poh, Peh Bin, Belankai, Pai Kau, Tien Ngau, Tien Kow, Chap Ji Kee, Sam Cheong, Dua Puluh Satu, Tiga Puluh Satu, Sepuluh dan Setengah, semua permainan dadu, banker's game dan semua permainan yang bergantung semata-mata kepada nasib. (2) Pertubuhan atau ahli-ahlinya tidak boleh mencuba menghalang atau dengan apa cara juga mengganggu perniagaan atau harta barang-barang atau mengambil peranan di dalam Akta Kesatuan Sekerja, 1959. (3) Pertubuhan ini tidak boleh menjalankan loteri sama ada dikhaskan kepada ahli-ahli atau tidak, atas nama Pertubuhan atau pegawai-pegawai atau Jawatankuasa Utama atau Jawatankuasa kecil atau ahli tanpa kelulusan daripada pihak berkuasa. (4) "Faedah" seperti yang diterangkan di bawah Seksyen 2 Akta Pertubuhan, 1966, tidaklah boleh diberikan oleh Pertubuhan kepada mana-mana ahli.	20. LARANGAN (1) Segala jenis permainan dan segala jenis bentuk perjudian yang salah dari segi undang-undang Persekutuan, Negeri dan Tempatan tidak boleh dimainkan dalam premis Pertubuhan. (2) Pertubuhan atau ahli-ahlinya tidak boleh mencuba menghalang atau dengan apa cara juga mengganggu perniagaan atau harta barang-barang atau mengambil peranan di dalam Akta Kesatuan Sekerja, 1959. (3) Pertubuhan ini tidak boleh menjalankan loteri sama ada dikhaskan kepada ahli-ahli atau tidak, atas nama Pertubuhan atau pegawai-pegawai atau Jawatankuasa Utama atau Jawatankuasa kecil atau ahli. (4) "Faedah" seperti yang diterangkan di bawah Seksyen 2 Akta Pertubuhan, 1966, tidaklah boleh diberikan oleh Pertubuhan kepada mana-mana ahli.

ASAL	PINDAAN
21. PINDAAN UNDANG-UNDANG (1) Undang-undang ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan Mesyuarat Agung. Permohonan untuk perubahan atau pindaan kepada undang-undang hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh keputusan Mesyuarat Agung meluluskan perubahan atau pindaan itu dan hanya boleh dijalankan kuatkuasanya mulai daripada tarikh perubahan atau pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.	21. PINDAAN UNDANG-UNDANG (1) Undang-undang ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan Mesyuarat Agung. Permohonan untuk perubahan atau pindaan kepada undang-undang hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh keputusan Mesyuarat Agung meluluskan perubahan atau pindaan itu dan hanya boleh dijalankan kuatkuasanya mulai daripada tarikh perubahan atau pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

ASAL	PINDAAN
22. PEMBUBARAN (1) Pertubuhan ini boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tidak kurang daripada tiga per lima daripada jumlah ahli yang hadir dalam suatu Mesyuarat Agung yang dipanggil khas kerananya. (2) Sekiranya Pertubuhan hendak dibubarkan secara yang terkandung pada Fasal 22(1) maka segala hutang dan tanggungan Pertubuhan yang sah mengikut undang-undang hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujukan dalam Mesyuarat Agung. (3) Kenyataan bersabit dengan pembubaran itu hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh pembubaran itu.	22. PEMBUBARAN (1) Pertubuhan ini boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan lebih daripada dua per tiga daripada jumlah ahli yang hadir dalam suatu Mesyuarat Agung yang dipanggil khas kerananya. (2) Sekiranya Pertubuhan hendak dibubarkan secara yang terkandung pada Fasal 22(1) maka segala hutang dan tanggungan Pertubuhan yang sah mengikut undang-undang hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujukan dalam Mesyuarat Agung. (3) Kenyataan bersabit dengan pembubaran itu hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh pembubaran itu.